# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 36 | RABU 6HB. SEPTEMBER, 1978. | رابو 3 شوال 1398 | PERCHUMA


## Selamat Hari Raya dari Pesurohjaya Tinggi British

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J.A. Davidson menyembahkan uchapan "Selamat Hari Raya Aidil Fitri" yang tulus ikhlas kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan semua Ahli2 Kerabat Diraja.

Perutusan Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi itu telah di-siarkan melalui Radio Talivishen Brunei pada hari raya pertama. Perutusan Tuan Yang Terutama sepenoh-nya ada-lah saperti berikut:

"PADA tahun ini, tahun yang amat istemewa bagi Negeri Brunei, saya sekali lagi telah diminta untok memberikan sedikit uchapan sempena Hari Raya Aidil Fitri. Saya menyampaikan-nya dengan hormat dan tulus ikhlas.

Izinkan saya, sa-bagai wakil Baginda Queen di-Brunei, untok menyembahkan uchapan tahniah yang tulus ikhlas kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, dan kapada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan juga kapada semua Ahli2 Kerabat Diraja.

Bagi pehak orang2 British yang berkhidmat untok Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan izinkan juga saya menyampaikan uchapan Selamat Berhari Raya.

Pada tahun yang lalu, saya telah mengatakan bahawa kami yang berada di-sini sa-bagai tetamu, ada-lah sunggoh menyedari betapa mendalam-nya perasaan keugamaan dan ketabahan orang orang yang berpuasa. Akan tetapi, apa yang penting ia-lah kudrat Tuhan yang menentukan-nya. Izinkan-lah saya mengulangi, sekali lagi, perkataan perkataan itu.

Sekarang tiba-lah masa-nya untok merayakan Hari Raya.

Selamat Hari Raya Aidil Fitri, terima kaseh."



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

## TITAH PERUTUSAN HARI RAYA KEBAWAH DYMM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah menguchapkan Selamat Hari Raya kapada seluroh raayat dan pendudok negeri ini yang berugama Islam.

Titah perutusan Baginda telah di-siarkan melalui Radio Talivishen Brunei pada Hari Raya pertama.

Berikut ia-lah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sepenoh-nya:

ALLAH-HU Akbar, Allah-hu Akbar, Allah-hu Akbar Walillah-ilham. Segala puji2an bagi Allah Subhanahu-Wataala dan selawat serta salam kapada junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. serta kerabat2 dan sahabat2 Baginda yang setia lagi jujor hingga ka-akhir zaman.

Beta bershukor ka-hadhrat Allah Subhanahu-Wataala di-atas segala limpah rahmat dan dengan izin-Nya juga kita Umat Islam di-negeri ini telah berjaya menyempurnakan kewajipan ibadat berpuasa di-sepanjang bulan Ramadhan yang baru sahaja selesai. Mudah-mudahan perasaan dan semangat ketabahan yang kita telah alami pada menunaikan ibadat berpuasa akan sentiasa menjadi amalan kapada kita semua dalam menghadapi tugas2 dan kewajipan kita masing2 dan pada melaksanakan tiap2 usaha yang berkebajikan lagi munafaat yang di-redhai oleh Allah.

Semangat ketabahan dan bersabar serta berazam lebeh2 lagi kita perlukan mulai dari sekarang pada menyusun dan mengator keadaan dalam Negeri Brunei Darussalam supaya negara kita yang terchinta ini akan terus maju kehadapan dalam keadaan makmur serta bahagia lagi terselamat daripada malapetaka, bala benchana dan angkara dunia.

Di-hari yang berkat lagi berbahagia ini dan dengan perasaan yang tulus ikhlas dan penoh muhibbah, beta bersama2 dengan keluarga beta ingin menyampaikan uchapan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kapada semua raayat beta dan pendudok Negeri Brunei yang berugama Islam. Semoga Allah Subhanahu-Wataala akan memberkati kita semua dengan kegembiraan pada menyambut hari yang meriah ini, dan mudah-mudahan kita semua sentiasa dalam perlindongan-nya. Sekian Wabillah hi taufik wal hidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarkatuh.

## Perutusan dari Y.A.B. Menteri Besar

MENTERI Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail bagi pehak Kerajaan serta raayat dan pendudok negeri ini telah menyembahkan uchapan Selamat Hari Raya kapada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta ahli2 Kerabat Diraja.

Sembah uchapan Yang Amat Mulia itu juga telah di-siarkan melalui Radio Talivishen Brunei dalam perutusan Hari Raya-nya bersempena menyambut hari yang mulia ini.

Sabda perutusan Yang Amat Mulia sepenoh-nya ada-lah saperti berikut:

ALLAH-HU AKBAR, ALLAH-HU AKBAR, ALLAH-HU AKBAR, Alhamdulillah, kita bershukor kapada Allah Subhanahu-Wataala yang telah mengorniakan kelebehan pada membolehkan kita semua umat Islam menunaikan rukun berpuasa sa-panjang bulan Ramadhan yang mulia itu dan selain daripada itu salam dan selawat kapada Nabi Besar kita Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam, serta kaum keluarga, sahabat2 dan pengikut2 Baginda yang ta'at lagi taqwa sa-hingga ka-akhir zaman.

Terlebeh dahulu dengan menyusun jari sa-puloh dan dengan hati yang puteh jernih bagi pehak Kerajaan serta raayat dan pendudok negeri ini menyembahkan uchapan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kahadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta ahli2 Kerabat Diraja dengan do'a mudah-mudahan Allah Subhanahu-Wataala akan sentiasa mengorniakan kebahagiaan dan kesejahteraan sehat wal-afiat buat sa-panjang masa.

Maka dengan amat sukachita juga saya menguchapkan selamat Hari Raya Aidil Fitri kapada seluroh kaki-tangan Kerajaan termasok-lah anggota pasokan2 bersenjata serta raayat dan pendudok negeri ini di-mana sahaja mereka berada. Mudah-mudahan kesuchian ibadah berpuasa yang baru sahaja kita sempurnakan itu akan seterus-nya menjadi asas kehidupan kita sa-panjang waktu terutama sekali pada menghadapi masa2 chemerlang negara Brunei Darussalam yang sama2, insha Allah, akan kita hadapi itu. Saya berdo'a mudah-mudahan Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa mengorniakan nekmat-nya kapada semua umat Islam yang ta'at lagi taqwa dalam apa bidang jua pun.

Sekali lagi saya menguchapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri serta ma'af dzahir dan batin dan mudah-mudahan usia kita akan di-lanjutkan untok menghadapi lebeh banyak lagi Hari Raya di-masa2 yang akan datang.

Wassalam mu'alaikum warahmatullahi wabarkatuh.

## Hasil keluaran minyak

SERIA. — Hasil Keluaran minyak mentah bagi suku kedua tahun ini berjumlah 212,531 tong sa-hari. Jumlah ini adalah berkurangan dari yang diperolehi dalam suku pertama tahun ini. Hasil minyak mentah dari bulan Januari hingga Mach ia-lah sa-banyak 225,139 tong sa-hari.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad minggu lalu menunjokkan bahawa sa-bahagian besar hasil minyak itu di-perolehi dari telaga2 di-luar pantai ia-itu berjumlah 180,269 tong sa-hari manakala hasil pengeluaran dari telaga di-darat ia-lah 32,322 tong sa-hari.

Sharikat itu juga mengumomkan dalam tempoh yang sama sa-banyak 39 kago gas chechair telah di-expot ka-negeri Jepun.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

6HB SEPTEMBER, 1978

# SEMPENA AIDIL-FITRI

UMAT Islam di-Negeri Brunei ini menyambut 1hb Shawal 1398 yang di-jadikan Allah sa-bagai Hari Raya Aidil Fitri. Dan kita sekarang ini merayakan Aidil Fitri itu dengan rasa yang penoh keikhlasan dan keshukoran kapada Allah di-atas limpah kornia yang telah di-berikan-Nya melalui usaha dan ikhtiar masing2. Dan ada-lah menjadi kebiasaan bagi kita umat Islam di-negeri ini atau mungkin di-mana2 saja umat Islam yang menyambut Aidil Fitri ini dengan melebehkan belanja untok menghias diri, keluarga, rumah-tangga maupun juadah untok hidangan Hari Raya itu.

Walau bagaimana pun, perbelanjaan yang tidak terkawal kerana terlalu mengikut nafsu membeli perhiasan2 yang berlebehan sudah jauh terserong dari ajaran ugama Islam. Allah menjadikan Aidil Fitri, untok di-sambut oleh mereka yang telah menunaikan ibadat puasa di-bulan Ramadhan. Oleh itu keadaan sambutan-nya perlu membayangkan chorak keikhlasan, keshukoran serta keinsafan kita kapada Allah.

Islam juga tidak menggalakkan keramaian sa-chara besar2an atau perbelanjaan sa-chara besar2an dalam menyambut Aidil Fitri di-sebabkan hendak berlagak. Kalau kehendak keramaian sa-chara besar2an ada-lah lumrah sekali di-dapati, tetapi lebeh keterlanjuran sekali jika para tetamu yang datang di-sajikan dengan minuman keras, konon hendak mensesuaikan dengan pegangan pendudok yang bukan berugama Islam itu ! Perbuatan sa-demikian itu ada-lah di-kotok di-sisi ugama Islam.

Memang kita akui sesuatu yang menjadi kebiasaan yang sudah berdarah daging itu tidak semudah hendak di-gugurkan sa-chara serta-merta; akan tetapi yang di-perlukan permulaan dan mulai dari sekarang sedaya-upaya segala kebiasaan itu akan dapat di-kurangkan; lebeh2 lagi yang patut kita ambil perhatian saperti titah perutusan Aidil Fitri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan antara lain, "Beta bershukor kahadhrat Allah s.w.t. di-atas segala limpah dan rahmat dan dengan izan-Nya juga kita umat Islam di-negeri ini telah berjaya menyempurnakan kewajipan ibadat berpuasa di-sepanjang bulan Ramadhan yang baru saja selesai. Mudah2an perasaan dan semangat ketabahan yang kita telah alami pada menunaikan ibadat berpuasa itu akan sentiasa menjadi amalan kapada kita semua dalam menghadapi tugas2 dan kewajipan kita masing2 dan pada melaksanakan tiap2 usaha yang berkebajikan lagi munafaat yang di-redhi Allah.

Semangat ketabahan dan bersabar serta berazam lebeh2 lagi kita perlu mulai dari sekarang pada menyusun dan mengator keadaan dalam Negeri Brunei Darussalam supaya negara kita yang terchinta ini akan terus maju kehadapan dalam keadaan makmur serta bahagia lagi terselamat daripada malapetaka, bala benchana dan angkara dunia."

Sempena Aidil Fitri ini, kita memohon kapada Allah, semoga negara kita Brunei Darussalam ini akan sentiasa di-dalam perlindongan-Nya serta mendapat rahmat dan berkat, pada masa2 yang akan datang.



# Derma2 di-terima menjelang Hari Raya

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sejak dua minggu lalu dan minggu berikutnya beberapa derma telah di-terima dari para dermawan di-negeri ini, menjelang Hari Raya Aidil-Fitri ini. Antara-nya; pada minggu lepas, derma anak2 yatim dari Dato Ong Kim Kee sa-banyak $500.00 yang telah di-sampaikan-nya melalui Pengerusi Derma Tabong Kebajikan Anak2 Yatim, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin (Gambar atas). Di-samping itu Dato Ong Kim Kee menguchapkan Selamat Hari Raya kapada umat Islam di-negeri Brunei ini.

Timbalan Yang Dipertua Bank Kebangsaan Brunei Berhad, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah, telah menderma sa-banyak $1,000.00 kapada anak2 yatim, anjoran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan. Derma tersebut telah di-terima oleh Pengerusi Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Husain.

Sabtu lepas, derma sa-banyak $2,000.00 datang-nya dari tuan punya kedai Chop Hwa Hoo, yang telah di-sampaikan-nya kapada Pengerusi Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei.

Dua lagi derma yang telah di-sampaikan kapada Yang Berhormat itu masing2 sa-banyak $50.00 dan $85.00 dari penderma yang nama mereka tidak mahu di-sebutkan di-sini.

Dari Awang Lim Lee Bon sa-banyak $1,000 untok Badan Kebajikan Kebangsaan dan dari Awang Chop Hwa Ho sa-banyak $400 untok derma kebakaran rumah Awang Abdul Rahman di-Kampong Anggerek Desa, Berakas.

Sempena Hari Raya ini juga derma sa-banyak $500 telah di-terima dari Sharikat Kilang Papan Sung Yap, Kuala Belait, untok orang2 buta di-Pusat Latehan Pekerjaan, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan.

Ada-lah di-fahamkan derma2 untok anak2 yatim telah di-sampaikan kapada mereka yang berkenaan minggu lalu (sa-belum merai'kan Hari Raya yang mulia ini).

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan bersama2 dengan harga runchit yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga bagi panduan orang ramai saperti berikut :—

| JENIS BARANG | | HARGA RUNCHIT |
|---|---|---|
| **Burtons Packet Biscuits** | | |
| Butter Crunch | 198 gm | $1.30 |
| Morning Coffee | 200 gm | $1.30 |
| Ginger Snaps | 312 gm | $1.40 |
| G. H. Digestive | 226 gm | $1.30 |
| Cream Crackers | 170 gm | $1.30 |
| Butter Short Cake | 198 gm | $1.30 |
| Jammie Dogers | 191 gm | $1.30 |
| Raspberry Wafer | 85 gm | $1.00 |
| Fig Rolls | 198 gm | $1.30 |
| **Laura Scudder Corn Chips** | | |
| Cheeder Blue | 5 oz | $2.20 |
| Cheesepuff | 5 oz | $2.20 |
| Chilli Corn | 5 oz | $2.20 |
| Style Corn | 5 oz | $2.20 |
| Onion Rings | 5 oz | $2.20 |
| Potato Chips | 5 oz | $2.20 |
| Pretzel Mix | 5¼ oz | $2.80 |
| Pretzel Stik | 5 oz | $2.80 |
| Carmel Corn | 5 oz | $3.00 |
| Sunquick Orange Concentrate | | $2.20 |
| ,, Orange Concentrate Jumbo 32 oz | | $4.80 |
| ,, Lemon Concentrate | | $2.20 |
| ,, Mandarin ,, | | $2.20 |
| ,, Apple ,, | | $2.20 |
| ,, Grape ,, | | $2.20 |
| ,, Blackcurrant | | $3.00 |
| **Ricory Ex India** | | |
| ,, ,, ,, | — 50 G | $2.50 |
| ,, ,, ,, | — 100 G | $4.70 |
| Milkmaid Sterilised Milk | — 170 G | 60 sen |
| Milkmaid Sterilised Milk | — 433 G | $1.05 |
| **C & B Products** | | |
| Black Leicestershire Mushroom | 10½ | $2.60 |
| Olive Oil | 6½ oz | $2.65 |
| Maggi Instant Egg Noodles | 85 G | 45 sen |
| Maggi Chicken Stock 69 gr. | | $1.00 |
| **Ikan Sadin Chap Ayam** | | |
| Tin Jurong | 15 oz | $1.95 |
| Tin Jurong | 7½ oz | $1.15 |
| Tin Tinggi | 15 oz | $1.75 |
| Tin Tinggi | 5½ oz | 70 sen |
| All American | | |
| Mixed Nuts | 12 oz | $5.60 |
| Peanuts | 12 oz | $3.60 |
| Blanched Peanuts | 12 oz | $3.60 |
| Toffee Peanut | 12 oz | $3.90 |
| Imperial Corned beef | 12 oz | $3.00 |
| Bronte Corned Beef | 12 oz | $2.90 |
| Bronte Corned Mutton | 12 oz | $2.90 |

| JENIS BARANG | | HARGA RUNCHIT |
|---|---|---|
| Cinderalla Raising | 1 oz | 35 sen |
| ,, ,, | 11 oz | $2.30 |
| Impulse Body Sprays | — 85 G | $6.05 |
| Domestos | — 26 fl oz | $2.60 |
| Maggi Seasoning | — 125 G | $1.50 |
| **Kitchap Tomato Libby** | | |
| ,, ,, ,, | 12 oz | $1.20 |
| **Sun Brand Vanaspati** | | |
| | 1 Kg | $3.00 |
| | 2.5 Kg | $6.75 |
| | 5 Kg | $12.40 |
| Persil Automatic | 2.8 kg | $13.60 |
| Persil Automatic | 29¼ oz | $4.10 |
| Comfort Fabric Softening | | $3.60 |
| Jif Liquid Scourer | | $2.35 |
| Vykmin Capsule 30's | | $2.65 |
| Vykmin Capsule 60's | | $4.80 |
| Vykmin Capsule 120's | | $8.65 |
| Vikelp Tablet No. 1 | | $1.50 |
| Vikelp Tablet No. 2 | | $2.85 |
| **Shelltox F 14 Combi and Refill** | | |
| Shelltox F 14 Combi | | $5.80 |
| ,, F 14 Refill | | $3.20 |
| **VIM** | | |
| Vim Sederhana | | 75 sen |
| Vim Besar | | $1.25 |
| Vim Economi | | $1.60 |
| **Unilever Products** | | |
| Pears Shampoo | 8 cc | $1.70 |
| ,, ,, | 130 cc | $2.70 |
| ,, ,, | 150 cc | $4.00 |
| Rexona Mini Deoderants | 35 G | $2.30 |
| Rexona Roll-On Anti-Perspirant | 28 cc | $2.05 |
| Knight Castile Toilet Soap | 3 oz | 60 sen |
| Knight Castile Toilet Soap Bath Size | | 90 sen |
| **Washing Powder** | | |
| Omo 5 kg Ekonomi | | $19.85 |
| — 5 kg Bin | | $23.95 |
| — 35 gms | | 20 sen |
| Skip — 900 gm | | $4.70 |
| — 5 kg | | $29.00 |
| FAB/Hola Bersampul | | 20 sen |
| Breeze | | |
| (Economi Packet) | — 5 kg | $19.90 |
| (Utility Bin) | — 5 kg | $24.00 |
| (Ekonomi Handalan) | — 1 kilo | $2.60 |
| (Bersampul) | | 20 sen |
| **Toilet Soap** | | |
| Pears Transparent Ex Soap Ex. UK — (70 gms) | | $1.10 |
| Lifebouy — 3¼ ozs | | 55 sen |
| **Washing Soap** | | |
| FAB — 200 gms | | 55 sen |

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 9hb hingga 16hb Sept. 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 9.9.1978 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 9.9.1978 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 9.9.1978 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 11.9.1978 | Isnin | 3.00– 4.00 ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 11.9.1978 | Isnin | 4.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 12.9.1978 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 12.9.1978 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 13.9.1978 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 13.9.1978 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 13.9.1978 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 16.9.1978 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 16.9.1978 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 16.9.1978 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |

oleh2 dari
# PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:

HJ. ABD AZIZ JUNED

## Siri kelima

**BERKENAAN** fungsi atau tugas2 masjid ia-lah antara yang di-binchang dalam seksi Share'ah pada hari pertama persidangan.

Masjid sa-bagai tempat sujud......itu-lah yang pertama dan utama. Pada hari pertama Nabi s.a.w. sampai di-Madinah, Baginda membangunkan masjid Quba. Sa-sudah selesai, Baginda sembahyang di-dalam-nya bersama beberapa ramai golongan Muhajirin dan Ansar, واسجد واقترب *"Sujud dan dekatkan-lah diri kapada Allah"* (Al-'Alaq: 19).

Masjid juga ada-lah tempat berdo'a dan beriktikaf. Tempat Muslimin berkumpol bersembahyang lima waktu sa-hari sa-malam. Tempat sa-kali dalam sa-minggu masharakat Islam berkumpol mengerjakan sembahyang Jumaat.

Rasulullah s.a.w. ketika di-Madinah telah banyak sekali menerima wahyu di-masjid dan menerangkan hukum2 Islam di-dalam-nya. Jadi masjid itu juga bertugas sa-bagai tempat menerima ugama, tempat menyalurkan ilmu dan membina akhlak, tempat di-salurkan ajaran "amar maaruf dan nahyi mungkar".

Di-dalam masjid di-tempatkan barang2 wakaf dan baitul mal. Rasulullah s.a.w. menyelesaikan masaalah dan pertikaian di-dalam masjid. Demikian pula di-zaman Khalifah Syedina Umar terdapat sa-macham dewan perhimpunan yang bertugas menasehatkan beliau, yang mengadakan perjumpaan2 dan mashuarat-nya di-dalam masjid. Sementara Khalifah Syedina Abu Bakar sechara langsong menjalankan urusan pemerentahan-nya di-dalam masjid. Menerima rombongan2 dari bangsa2 dan negara luar, samada ia Islam ataupun bukan, juga dilakukan pada zaman Nabi dan sahabat di-dalam masjid.

### STRATEGI DAN TEKTIK PERANG

Di-zaman Nabi dan sahabat, strategi dan tektik perang juga di-ator di-masjid.

Pendek-nya, masjid ada-lah tempat mengajar dan memperkatakan serta memutuskan segala prinsip dan pokok kehidupan Islam, yang terdiri dari tiga chabang: Ibadat, taqwa dan tamaddun. Yang akhir (tamaddun) ini jika hendak di-pechahkan pula, akan mengeluarkan ranting2 yang bernama bidang2: sosial, ekonomi, politik, ilmu pengetahuan dan teknik, yang semua itu bersifat duniawi, *secular*. Tetapi walau begitu, amat penting di-ingat, bahawa sunggohpun segala soal2 tamaddun itu boleh di-perkatakan di-dalam masjid, ia-nya hanya-lah yang *bersifat dan mempunyai nilai kesuchian*. Sebab masjid itu ia-lah tempat suchi, maka segala uchapan dan perbuatan yang di-lakukan di-dalam-nya hendak-lah suchi, yang lahir dari taqwa dari orang2 yang berseh dan beriman.

Putar-belit dan kepentingan peribadi tidak boleh di-bawa ka-dalam masjid. Masjid ada-lah RUMAH ALLAH, tempat memohonkan rahmat dan ganjaran yang baik, sebagaimana maksud hadith: *"Manakala sa-orang dari kamu masok ka-dalam masjid, hendak-lah ia berkata: "Ya Allah! Bukakan-lah bagi-ku pintu rahmat-Mu" dan apabila ia keluar ia berkata pula: Ya Allah! Aku mohon kapada-Mu ganjaran-Mu"*. (Sunan Abi Daud, Juz 1 m.s. 109). Tiap langkah menuju masjid di-nilai dengan satu derjat kebaikan (Muslim: 412). Masjid di-bangunkan untok kepunyaan bersama, meskipun ia di-dirikan oleh sa-orang, tetapi untok tujuan2 *kolektif* yang luas. Sa-siapa yang mendirikan masjid, di-janjikan rumah-nya di-shorga, sebagaimana maksud hadith: *"Barangsiapa mendirikan masjid semata2 kerana Allah, maka Allah akan membuatkan-nya rumah di-shorga"* (Muslim: 324).

### MERAMAIKAN MASJID

Mari kita bicharakan satu fakta penting mengenai tugas kita pula terhadap masjid. Tadi kita telah berchakap mengenai tugas masjid itu sendiri, tugas-nya sa-bagai satu lembaga atau pusat menegakkan taqwa, ibadat dan tamaddun.

Sekarang masjid telah berdiri, apa-kah tugas kita sa-sudah itu?

Dengan perkataan yang bersahaja tetapi padat dan tepat: KITA RAMAIKAN IA. Meramaikan masjid bermakna mengunjongi-nya, beribadat di-dalam-nya, melaksanakan tugas2 masjid, memperindah dan mengusai-nya. Memelihara dan memajukan-nya.

Tetapi jangan berkunjong untok tujuan2 yang mungkar dan batal, yang tidak wajar dengan semangat kesuchian. Jangan di-kunjongi masjid selain dari tujuan2 bertaqwa. Masjid di-dirikan berdasarkan taqwa, kerana itu berkunjong juga kerana taqwa. Selain bukan kerana taqwa, tidak-lah di-bolehkan membangun dan meramaikan masjid. Firman Allah dalam Surah At-Taubah ayat 107 yang bermaksud kira2: *"Dan orang2 yang membangunkan masjid kerana hendak menerbitkan bahaya, kerana kekafiran, kerana hendak memechah-belahkan orang2 yang beriman dan kerana menyambut orang yang sejak dahulu telah memerangi Allah dan Rasul-Nya. Dan sesunggoh-nya mereka bersumpah (berkata): Kami hanya menghendaki kebaikan. Dan Allah menjadi saksi, bahawa sesunggoh-nya mereka itu pendusta"*.

Dan ayat2 17 — 18 dalam Surah yang sama bermaksud: *"Tiada-lah orang2 mushrik itu berhak meramaikan masjid, sedang mereka telah mengaku bahawa mereka tidak beriman. Itu-lah orang2 yang pekerjaannya terbuang dengan perchuma, dan mereka tetap di-dalam neraka. Hanya-lah yang berhak meramaikan masjid2 Allah ia-lah orang2 yang beriman kapada-Nya dan hari kemudian serta tetap mengerjakan sembahyang dan membayar zakat serta tidak takut kapada sesiapapun selain Allah. Dan mudah2an mereka itu termasok orang2 yang menurut pimpinan yang benar"*.

(Meramaikan dalam bahasa Arab di-sebut "imarah", erti-nya mengunjongi, beribadat di-dalamnya atau memperindah, menjaga dan memeliharanya. Orang2 mushrik yang mempersekutukan Allah, tidak-lah berhak meramaikan masjid2 Allah, terutama Masjidil Haram di-Mekah, kerana masjid itu ada-lah lambang kesuchian dan keesaan Allah, tempat beribadat dan menyembah-Nya).

### MAANA MENERBITKAN BAHAYA

Apa maana-nya ini? Membangun masjid bagi menerbitkan bahaya dan kekachauan, dengan topeng kebajikan atau kebaikan? Itu-lah dia pekerjaan dunia yang tidak suchi, yang sa-bagai mithalan, orang mendirikan masjid dan mengunjongi-nya kerana tujuan2 politik untok menchari *popularity* dan sa-bagai-nya, saperti pernah berlaku dalam zaman Nabi orang2 munafik mendirikan masjid atas anjoran sa-orang pendeta yang bernama Abu Umar. Masjid itu disifatkan oleh Allah sabagai masjid dzirar (masjid bahaya) di-mana Nabi dan orang2 Islam di-larang bersembahyang di-dalam-nya (lihat tafsir ayat 107 Surah At-Taubah).

### KESATUAN YANG SUCHI

Masjid ada-lah masjid, suatu lembaga yang membentok kesatuan sosial Muslim dalam bentok-nya yang suchi. Tidak boleh main2 kotor dan putar-belit di-dalam-nya. Sosial Muslim yang menjadi pengunjong dan penghuni masjid terdiri dari orang2 yang taqwa, dan memang ini-lah nilai yang tertinggi sekali sebagaimana maksud firman Allah: *"Sesunggoh-nya yang paling mulia di-antara kamu disisi Allah, ia-lah orang2 yang lebeh taqwa-nya"* (Al-Hujurat: 13). Kesatuan sosial Muslim itu tidak boleh di-tafsir dengan lain2 maana, selain semata2 untok bersatu dan sama2 mengabdikan diri kapada Allah. Firman-Nya yang bermaksud: *"Sesunggoh-nya umat-mu ini ada-lah satu, dan Aku Tuhan-mu, oleh itu sembah-lah Aku"* (Al-Anbia: 92). Dengan ini jelas, bahawa kesatuan sosial Muslim itu di-tentukan oleh tingkat masjid, yaani di-ikat oleh masjid.

### TIDAK BOLEH DAPAT DI-TEMPAT LAIN

Chuba perhatikan, sahari lima kali orang2 yang berada di-sekitar masjid akan datang berkumpol dengan sifat persaudaraan yang berseh serta di-pimpin oleh fikiran yang patoh dan ta'at menjunjong titah perentah Allah. Kemudian sakali dalam tujoh hari, sembahyang Jumaat. Mereka berkumpol dalam jumlah yang lebeh besar, dan di-antara-nya ada yang datang dari tempat2 yang jauh. Di-sini-lah mereka belajar kenal mengenali, saling menghormati. Mereka dudok bersama2 sa-belum di-mulai sembahyang. Lutut dan bahu bergesiran, tangan di-unjok ka-kiri dan ka-kanan, ka-hadapan dan ka-belakang, dengan muka manis yang di-serikan oleh kuntum senyum dari hati puteh berseh. Semua itu membuahkan nilai perasaan yang tinggi, yang tidak boleh di-dapati di-tempat2 yang lain.

Lihat muka 16



BEAMING with happiness is Brunei Qariah Dayang Hajjah Siti Ara binte Hj Idris who returned home last week to a rousing welcome for her splendid effort in winning for Brunei third place in the women's section of the International Koran Reading Championships held in Kuala Lumpur a fortnight ago.

# "SELAMAT HARI RAYA" — H. E.

The following is the full text of the Hari Raya message of His Excellency the British High Commissioner, Mr. James Davidson.

"In this very special year for Brunei I have once again been asked to say a few words on the occasion of Hari Raya 'Aidil Fitri. I offer them in all modesty and with much respect.

May I be permitted as Her Majesty's Representative in Brunei to offer sincere congratulations to His Highness the Sultan, and to His Highness the Seri Begawan, to all the Royal Family and to the people of Brunei. May I also offer good wishes on behalf of the British people here who seek to serve His Highness the Sultan.

Last year I said that we who are here as guests are very conscious of the depth of religious feeling and of self discipline embodied in Puasa. Above all it is God's will which counts. May I be allowed to say the same once again.

Now it is the time to celebrate Hari Raya.

Selamat Hari Raya 'Aidil Fitri.

Thank you very much."

## Orphans receive H.R. gifts

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Brunei Muara District Orphans Fund last Tuesday received another donation amounting to five hundred dollars.

The latest donation was made by a local businessman, Dato Ong Kim Kee who handed a cheque for that amount to the Chairman of the Fund, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Haji Kamaluddin, at the chairman's office here.

On the following day the presentation of Hari Raya gifts to orphans in the district was made at the Pension Office here.

The gifts were handed over by the Assistant Secretary of the Fund, Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Damit, to Kampong Ketuas who distributed them to more than seven hundred orphans in the district.

# New office block for Tutong

TUTONG TOWN.—Work has started on the construction of a new Government office block here at a cost of approximately $2.3 million.

The building is situated at the junction of Jalan Bukit Bendera and Jalan Penyurat Haji Abu Bakar.

The main contractor Messrs. Pembinaan Bersatu Limited of Bandar Seri Begawan is expected to complete the work in November next year.

Messrs. Rekabina Perunding Chartered Architects who designed the office block said it is a three-storeyed building comprising a north-west and a south-east wings linked together by a central spiral staircase through an open air-well and two service cores.

When completed it will accommodate fifteen government departments.

The ground floor will house the Land, Survey, Welfare, Youth and Sports, Immigration and National Registration, Cooperative, Customs, Land Transport and Labour departments.

On the first floor will be the Agriculture, Forestry and Education departments while the second floor will be occupied by the Municipal, Sub-Treasury and Audit departments, and the District Office.

Outside will be over sixty car parking lots including twelve covered ones for the VIPs.

# Telecoms training breaks new ground

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Department of Telecommunications with the cooperation of the Education Department inaugurates this month a system of technician training which is an innovation in Brunei.

The Training Officer, Mr. John Wilmot, announcing this said a technician needs to learn both the theory and practical application of telecommunications.

Mr. Wilmot said in the past it has been customary for technicians to be released from work for six months or more to study City and Guilds of London courses.

These courses provided the necessary theoretical background to practical skills which are taught in departmental training centres.

He said in future instead of being sent away for six months, technicians will continue to work normally maintaining and expanding the telephone system, but in addition they will be released for two days each week to study a City and Guilds Telecommunication course at the Education Department's Pusat Latehan Technical here under the instruction of Mr. K. Edwards.

In this way the technicians will maintain better contact with the practical side of their work whilst expanding their theoretical knowledge of the same subjects at their day-release classes.

He disclosed that sixteen students will commence day-release studies on September 11 and a further two classes will commence in December.

Altogether forty-four students from the Telecoms Department are expected to sit for the City and Guilds, T.1. examination in December next year.

Mr. Wilmot believed that this arrangement will provide a smoother workforce for telecommunications and at the same time will enable a greater number of technicians to receive training resulting in a better service to the customer.

## Police donate money to fire victim

GADONG—The Royal Brunei Police Force last Tuesday donated a sum of one thousand seven hundred and fifty-eight dollars to a fire victim, Dayang Zaleha binte Tengah.

Dayang Zaleha's house at Kampong Delima Satu was destroyed by a fire three months ago.

The money was handed over by the Commissioner of Police, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, at his office here.

## Supervision course for clerks

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Training Unit of the Establishment Department last week held a supervision course for Grade Two Clerks at its training centre in Jalan Berakas.

The four-day course was attended by clerks from seventeen government departments.

During the course they were lectured by the Head of the Training Unit, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif and the Training Officer, Awang Mustafa bin Haji Abdul Rahman.

# RBMR officer top of his class

BERAKAS.—An officer of the Royal Brunei Malay Regiment has topped his class of forty in the Commonwealth and Foreign Ammunition Course.

The British Army School of Ammunition in Warwickshire, England informed the regiment of the good news last week.

The officer, Captain Sabli bin Othman, who attended the six-month course in January this year, is now attached to the Logistic Depot of the regiment's First Battalion here.

Meanwhile two officers from the regiment's Air Wing left for the United States on Sunday to attend a four-week Helicopter Commercial Pilot Licence and Instrument Rating course at the Jet Fleet Corporation in Dallas, Texas.

The two officers, Major Pengiran Hasnan bin Pengiran Ahmad and YDM Pehin Datu Kesuma Diraja Major Abdul Rahman bin Mustafa, will also visit Air Logistic in Palm Beach, Miami, Florida after completing the course.

## Photo show receives over 400 entries

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Photographic Society of Brunei has received more than four hundred entries from local and overseas photographers for its Fifth Southeast Asia Salon of Photography 1978 to be held in November.

Of the entries, 200 are monochrome prints, 110 colour prints and 100 colour slides.

They are submitted by photographers from Brunei, Japan, Macau, Korea, Hong Kong, Australia, Malaysia, India and Singapore.

The entries will be judged at the exhibition room of the Language and Literature Bureau here this Saturday.

The selected prints and slides will go on show at the same venue for ten days from November 4 to 14.

The winners will receive gold, silver and bronze medals as well as special awards for the best entries.

The exhibition is organised by the society in honour of His Highness the Sultan's thirty-second birthday.

## Bank donates money to fund

BANDAR SERI BEGAWAN. — The National Bank of Brunei Limited last Tuesday donated a sum of one thousand dollars to the Orphan Fund.

The Deputy President of the Bank, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah handed over the cheque to the Director of Welfare, Youth and Sports Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, who is also the Chairman of the National Welfare Body, at a presentation ceremony held at the bank's premises here.

# Another patrol boat for RBMR

MUARA.—The Royal Brunei Malay Regiment is to take delivery of another patrol boat which is due to arrive here on September 19.

The boat, KDB WASPADA, is one of three ordered by the regiment from the Vosper Thoneycroft shipyard in Singapore.

The two are the KDB PEJUANG which was launched in April last year and the KDB SETRIA which was launched about three months ago.

The KDB PEJUANG is currently undergoing trial run while the KDB SETRIA is being fitted with equipment.

# SIFAT TAQWA MENANAMKAN AKHLAK MULIA

TAQWA ia-lah sikap dan tingkah laku yang mesti di-mileki oleh sa-orang mukmin sejati ia-itu kepatuhan dan ketaatan kita melaksanakan perintah—surohan Allah dan menjauhi dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Dalam Al-Kor'an dalam ayat2 133-136 dari Surah Ali-Emran di-terangkan bahawa orang2 yang taqwa itu ia-lah mereka yang dalam hidup-nya memileki sifat2, sikap dan tingkah laku perbuatan saperti berikut:

1. Selalu menuju kapada ampunan Allah Ta'ala. Erti-nya senantiasa berkerja dan beramal sesuai dengan keredhaan Allah, bukan yang di-larang dan di-murkai-Nya.

2. Suka menafkahkan harta benda, di-waktu senang mau pun di-waktu susah, membayar zakat, memberi makanan kapada fakir miskin dan anak2 yatim dan memberi sumbangan dan derma kapada kegiatan dakwah Islam.

3. Kita rela memaafkan kesalahan orang lain. Kita tidak menaroh dendam terhadap sa-seorang kerana suatu kesalahan samada senghaja atau pun tidak. Kerana dendam kesumat itu membawa benchana kehanchoran kapada diri sendiri, orang lain dan masharakat.

4. Sanggup menahan marah ia-itu kita dapat mengawal perasaan dan mengendalikan hawa nafsu menurut sewajar-nya.

5. Kita hendak-lah selalu melakukan kebaikan dan kebajikan, bersikap jujor terhadap diri sendiri dan orang2 lain kerana semua-nya ini ada-lah tanda ketaqwaan kita kapada Allah.

6. Apabila terlanjur melakukan kejahatan, dan perbuatan dosa serta menganyiaya diri sendiri, hendak-lah kita segera mengingat Allah lalu memohon ampun dan bertaubat. Perbuatan keji saperti memberi dan menerima rasuah, berzina, menchuri dan menipu ada-lah dosa yang bahaya-nya bukan hanya menimpa diri sendiri tetapi juga menimpa kapada masharakat ramai.

7. Hendak-lah bersegera menghentikan dari melakukan dosa dan maksiat ketika kita mengetahui bahawa suatu perbuatan itu mengandongi dosa dan maksiat. Atau tidak mengulangi kembali dosa2 yang pernah kita lakukan, sedang kita tahu dan sedar.

Taqwa ada-lah punchak kehidupan ibadat yang selalu kita berusaha menchapai-nya selaku manusia Muslim. Allah Ta'ala kerapkali menyebutkan di-dalam Al-Kor'an supaya kita bersifat taqwa dan mendorong kita untok menchapai tingkatan taqwa itu, serta hendak-lah berusaha mempertahankan sa-telah kita memileki-nya. Sifat taqwa dapat menanamkan akhlak mulia pada diri kita yang kesan-nya bukan sahaja terhadap diri kita sendiri, tetapi juga membawa kebaikan terhadap masharakat, bangsa dan negara.

Di-antara sifat2 taqwa yang di-nyatakan dalam Al-Kor'an ia-lah:

1. Menepati janji. Firman Allah yang bermaksud: *"Barangsiapa yang menepati janji-nya dan bertaqwa maka sesunggoh-nya Allah menyukai orang yang bertaqwa".*

2. Bersifat pemaaf. Firman Allah yang bermaksud: *"Kalau kamu memaafkan, maaf itu lebeh dekat kapada taqwa".*

3. Bersift Istiqamah ia-itu berkeperibadian kuat dan tegoh. Firman Allah yang bermaksud: *"Sa-lama mereka bersifat lurus kapada kamu, hendak-lah kamu bersikap tegoh hati (Istiqamah) kapada mereka. Sa-sunggoh-nya Allah itu menyukai orang yang taqwa".*

4. Menegakkan keadilan. Firman Allah yang bermaksud: *"Tegakkan-lah keadilan, kerana adil itu lebeh dekat kapada taqwa".*

5. Tidak mempunyai rasa takut dan dukachita dalam menghadapi chubaan hidup saperti sifat wali2 Allah. Allah berfirman yang bermaksud: *"Sa-sunggoh-nya wali2 mereka tidak merasa takut dan tidak berdukachita mereka itu ada-lah orang2 yang beriman dan bertaqwa".*

Orang2 mukmin yang memileki sifat2 taqwa, pasti mempunyai keupayaan yang mampu menghadapi segala macham masaalah hidup, sanggop mengatasi saat2 yang genting, dapat menyelesaikan jalan2 yang rumit menghalang dan sabar—tabah menghadapi kesusahan dan chubaan.

Apabila sifat2 taqwa menjadi sendi dan asas dalam hidup bermasharakat dan dalam hidup bernegara, di-mana pegawai2 kerajaan dan warga negara serta raayat muslim hidup bertaqwa, neschaya kehidupan kenegaraan itu memperolehi kornia dan keredhaan Allah Ta'ala. Jelas-nya kalau pengendali2 atau pegawai2 yang menjalankan pentadbiran sa-buah negeri itu, yang mereka itu ada-lah merupakan chontoh tauladan kapada raayat, keamanan dan ketenteraman-nya, memileki sifat2 taqwa, maka insha Allah akan lichinlah jentera pentadbiran, sempurna dan selesai-lah berbagai persoalan.

Betapa tidak, sunggoh besar kesan dan pengaroh-nya bagi raayat dan negara, terhadap pegawai2 yang setia menepati janji, selalu melakukan kebaikan dan kebajikan, disiplin menegakkan keadilan, bersifat pemaaf, erti-nya tidak bertabi'at hasad dan dengki serta berjiwa tegoh dan kuat. Di-samping itu kapada raayat dan orang ramai pula di-tanamkan jiwa istiqamah ia-itu peribadi yang tegoh dan kuat serta rasa tidak ada ketakutan dan dukachita, tetapi selalu menaroh optimis dan harapan dalam kehidupan. Andai-nya sifat2 taqwa itu telah tertanam dalam kehidupan bangsa dan negara yang di-pelopori oleh pemerintah, atau kerajaan, maka pasti-lah terujud suatu negara yang adil, makmor, dan aman tenteram di-bawah naungan keredhaan Allah Ta'ala.

Firman Allah Ta'ala yang bermaksud: *Sekira-nya pendudok negeri itu beriman dan bertaqwa, sesunggoh-nya Kami akan melimpah ruahkan berkat (kemakmoran) dari langit dan bumi. Akan tetapi mereka mendustakan, lalu Kami siksa mereka dengan apa yang mereka lakukan. (Surah Al-'Araf: 97).*




# HARI RAYA, HARI GEMBIRA BAGI MEREKA YANG BERPUASA

HARI ini kita sedang berada dalam suasana Hari Raya Aidil Fitri yang di-sambut dengan penoh perasaan kegembiraan dan keshukoran. Gembira kerana berjaya mengendalikan diri dari tontonan hawa nafsu pada perkara2 yang merosakkan ibadat puasa, shukor di-atas rezeki pemberian Allah s.w.t. yang dapat kita nekmati sepanjang masa.

Begitu-lah sa-telah kira2 sa-bulan lama-nya umat Islam berpuasa di-bulan Ramadhan; menahan diri dari makan dan minum di-siang hari, menahan diri dari melakukan perkara2 keji dan mungkar yang merugikan diri sendiri. Sebab itu-lah bulan Ramadhan di-anggap bulan yang mulia. Kerana dalam bulan ini sa-tiap umat Islam berjuang — melawan hawa nafsu dengan menahan diri dari kebebasan makan dan minum di-siang hari serta berbuat perkara2 yang di-anggap boleh merosakkan kesuchian ibadat puasa itu.

Sebab itu-lah bagi umat Islam yang benar2 mengerjakan ibadat puasa itu, Hari Raya Fitrah ini ada-lah hari yang paling meriah, bahagia dan gembira yang kedatangan-nya di-nanti2-kan. Hari ini Tuhan mengharamkan hamba2-Nya berpuasa, bahkan Ia membuka peluang untok menekmati rezeki-Nya sa-puas2-nya asalkan tidak merosakkan nilai2 keIslaman sa-seorang itu. Maka hari ini sesuai benar-lah kita bergembira.

Tetapi bagi sa-orang muslim yang tidak berpuasa tanpa sebarang keudzoran apa-kah yang hendak di-banggakan dan di-rayakan?

Sedang hari raya ini ada-lah nekmat untok orang yang berpuasa dan hikmat berpuasa itu banyak menanamkan pengajaran dan unsor kejiwaan dan kemasharakatan — yang melahirkan kesedaran sa-bagai hamba kapada Allah s.w.t.

Sebab itu-lah takbir raya bukan di-buka dengan majlis tari menari. Tetapi di-mulai takbir dan tahmid memuji kebesaran Illahi yang maha berkuasa lagi mengetahui. Di-ikuti pula dengan menunaikan sembahyang sunat hari raya berjemaah di-masjid2 atau di-surau2 di-sa-belah pagi-nya. Di-sini kita dapat satu gambaran bahawa Islam itu sentiasa menggalakkan umat-nya bersatu padu dan bersefahaman sa-sama sa-ugama.

Dalam berpuasa kita sama2 merasakan bagaimana penderitaan mereka2 yang hidup-nya kurang bernasib baik dan melarat. Begitu juga untok menghidupkan dan memeriahkan lagi hari yang mulia ini agar semua lapisan masharakat Islam sama2 dapat menekmati-nya, Islam menyediakan sistem zakat dan fitrah, di-mana sa-tiap umat Islam yang terdaya di-minta mengeluarkan zakat fitrah-nya. Maka hasil pembahagian dari zakat2 ini-lah yang dapat membantu mereka2 yang kurang bernasib baik itu.

Sempena hari yang mulia ini juga kita di-galakkan ziarah menziarahi sahabat handai, saudara mara untok menguchapkan Selamat Hari Raya dan berma'af2an antara satu sama lain bagi segala kesalahan dan kesilapan yang telah lalu.

**Bingkisan minggu ini**

# Memelok ugama Islam

TIGA orang lagi memelok ugama Islam di-negeri ini yang terdiri dari puak Dusun.

Bertempat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri pada 26hb Ogos lalu sa-orang gadis berumor 20 tahun, Likong bte Tiga telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Mat Serudin, dan kini dia di-kenali sa-bagai Aslina bte Abdullah. Aslina berasal dari Kampong Kabia, Tutong.

Baru2 ini juga bertempat di-Kampong Seri Belayang, Temburong telah berlangsong satu majlis pengIslaman ka-atas Rekot bte Dinchuan berserta sa-orang anak perempuan-nya. Rekot memileh nama Islam-nya sa-bagai Norlizawati bte Abdullah, sementara anak-nya kini di-kenali sa-bagai Noriadaemala bte Abdullah.

Mereka melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Dato Pekerma Dewa Haji Abd. Rahim bin Akim.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 6hb September, 1978 hingga ka-hari Selasa 12hb September, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 6hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.55 | 6.12 |
| 7hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.55 | 6.12 |
| 8hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.55 | 6.12 |
| 9hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.55 | 6.12 |
| 10hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.55 | 6.12 |
| 11hb Sept | 12.22 | 3.38 | 6.26 | 7.39 | 4.39 | 4.54 | 6.11 |
| 12hb Sept | 12.22 | 3.38 | 6.26 | 7.39 | 4.39 | 4.54 | 6.11 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# HARI RAYA — MENGISI KEGEMBIRAAN DENGAN BERSHUKOR KPD ALLAH

MARI-LAH kita sama2 bershukor kehadrat Allah, kerana dengan limpah kornia-Nya juga dapat-lah kita sekali lagi merayakan hari yang berbahagia ini dengan penoh riang dan gembira.

Hari ini ada-lah kelapangan dan kebebasan sa-telah menahan diri berpuasa selama sa-bulan. Hari ini juga hari sebok, dan untok beberapa hari lagi kita akan terus sebok, di sebabkan oleh berbagai2 bentok rupa kegembiraan. Di-dalam kesebokan2 itu kita hendak-nya jangan-lah lupa akan tujuan2 dan hikmat hari raya, ia-itu di-samping untok berbalas2 uchapan selamat dan berma'af2an, menziarahi dan makan minum pada siang hari, juga salah satu tujuan hari raya yang asasi ia-lah mengisi kegembiraan itu dengan bershukor, dengan perasaan ingat dan kaseh serta takut kapada Allah s.w.t.

Dan ada pun chara2 untok sampai ka-arah itu ia-lah dengan melalui jalan takarrub, jalan mendekatkan diri kapada-Nya, jalan ibadat dan amal saleh, jalan banyak berzikir, bertahmid dan bertahlil. Kita tidak-lah mahu, hanya ketika berada di-dalam masjid saperti sekarang ini lidah kita basah oleh takbir dan tahmid, sedang manakala kita keluar dari-pada-nya, kita akan lupa, di-lupakan oleh suasana dan kesebokan berhari raya, kita lupa kewajipan, lupa menunaikan hak diri kita dan hak Allah Ta'ala.

Kita akan bersedih, dan bahkan patut menyesali terhadap setengah2 orang Islam yang lupakan kewajipan, lupakan ibadat-nya, saperti tergamak meninggalkan ibadat sembahyang, hanya kerana semata2 terlalu ashek dan leka serta sebok dengan suasana berhari raya, atau ada juga satu jenis perangai lain yang amat tidak patut, ia-itu orang yang mengisi hari itu dengan maksiat, dengan perbuatan2 yang mungkar. Sesunggoh-nya hal2 yang seumpama itu patut-lah di-jauhi, kerana ia-nya ada-lah bertentangan dengan konsep ugama Islam yang menshari'atkan hari raya itu sa-bagai hari gembira dan hari bershukor, hari kemerdekaan dan kemenangan kerana berhasil dalam perjuangan kita memerangi hawa nafsu. Maka sewajar-nya-lah ia hanya patut dan layak untok di-isi dengan niat dan perasaan yang bertambah2 shukor dan tundok kapada Allah s.w.t.

Menurut peristiharan 15hb Julai, 1978, hari yang bersukut baik keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan, melalui titah yang di-lafadzkan sendiri oleh Baginda, bahawa negeri Brunei akan menchapai semula taraf-nya sa-bagai sa-buah negara yang penoh berdaulat lagi merdeka dalam tempoh lima tahun dari penghujong tahun 1978 ini.




Jadi ternyata sekarang tugas kita sa-bagai ra'ayat, ia-lah bersedia untok melengkapkan diri dengan berbagai2 keutamaan di-bidang2 kehidupan yang penting saperti bidang2 pelajaran dan kemahiran dan lain2 lagi. Kerana hanya dengan chara ini-lah sahaja kita akan dapat mendukong dan mengisi kemerdekaan itu dengan chara yang sebaik2-nya.

Demikian juga hasrat kita, bagi masa depan negeri Brunei serta ra'ayat di-dalam-nya, ia-lah berkerja untok mendapatkan keamanan yang berkekalan dan subor, dan untok itu, semua orang mesti-lah sedar dan giat berkerja pada memberikan apa juga jenis sumbangan yang berkebajikan kapada Brunei. Dan di-antara sumbangan2 yang besar dan paling di-perlukan itu, ia-lah setiap orang mesti-lah turut pada mengawal dan memelihara nekmat dan rahmat Allah yang telah di-berikan-Nya kapada kita dalam bentok kemakmoran dan keamanan, supaya tidak rubit, tidak sekali2 berkurang walau sedikit pun.

Di-antara langkah dan chara mempertahankan nekmat dan rahmat dalam bentok keamanan dan kemakmoran itu, tidak-lah chukop sekadar hanya dengan kerja keras, dengan persatuan dan kerjasama, dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan semata2, sebagaimana yang di-sangkakan oleh setengah orang, tetapi di-samping itu semua, sa-genap lapisan ra'ayat termasok-lah sekalian para pemimpin-nya, hendak-lah sentiasa bersikap merendahkan diri di-hadapan Allah, di-ajak menghormati dan membesarkan Allah, terdidek patuh dan jangan sombong terhadap Allah, kuat beribadat dan chepat memuhon serta bertaubat jika bersalah. Ini-lah pokok pangkal keselamatan dan keamanan, chara memelihara nekmat Allah, dan chara menolak kesulitan dan benchana. Ini-lah juga chara bagaimana untok kita memperolehi berkat yang turun dari langit dan bumi, yang di-berikan hanya kapada orang yang beriman dan tidak tidur dari bertaubat dan memuhonkan keampunan. Firman Allah Ta'ala Surah Al'Araf ayat 96-98 yang bermaksud:

*"Sekira-nya pendudok negeri itu beriman dan memelihara diri-nya dari kejahatan, neschaya Kami bukakan kapada mereka keberkatan dari langit dan bumi. Tetapi sayang, mereka mendustakan juga ajaran2 Kami. Maka kerana-nya Kami turunkan-lah azab (benchana) sa-bagai hasil dari perbuatan mereka sendiri. Ada-kah mereka itu merasa tenteram ketika datang siksa yang Kami turunkan di-malam hari waktu mereka sedang nyenyak tidur? Dan ada-kah mereka tenteram ketika datang siksa yang kami turunkan di-waktu siang dalam masa mereka sedang bermain2?".*

Suatu bangsa yang sentiasa memperhambakan diri kapada Allah, yang tidak sombong, tidak engkar dan derhaka, dan bahkan suka merendah dan memuhonkan ampun kapada Allah, ada-lah bangsa yang di-jamin, di-jamin tidak akan mengalami siksa dan laknat daripada Allah. Saperti firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Anfal ayat 24 yang bermaksud:

*"Tidak-lah Allah akan menyiksa mereka sa-lama engkau berada di-tengah2 mereka, dan tidak-lah Allah akan menyiksa mereka sa-lama mereka sama2 taubat meminta keampunan".*

# BALA DAN BENCHANA TIDAK AKAN DATANG MELAINKAN KERANA DOSA

MARI-LAH kita senantiasa ingat dan menyedari, bahawa kita ada-lah hamba Allah, di-chipta oleh Allah. Kita hidup kerana di-hidupkan oleh Allah, dari segala keperluan berupa nekmat, di-berikan chahaya dan udara, makanan dan minuman. Di-berikan rezeki, kedudokan dan kesihatan, semua-nya itu daripada Allah. Dan kita wajib-lah ingat dan jangan melupakan semua-nya ini.

Kerana apabila kita lupa, bermaana lupa-lah kita kapada Allah. Dan sa-seorang yang apabila lupa terhadap Allah, maka besar-lah bahaya yang bakal di-terima-nya. Sang iblis dan shaitan akan melumpat masok mengambil tempat di-hati-nya. Dan manakala ini berlaku, maka kachau bilau dan huru hara-lah jiwa orang itu. Sedang jiwa yang tidak tenteram, yang kosong kechuali shaitan mengambil tempat di-dalam-nya ada-lah jiwa penjahat, sebab ia-nya di-kendalikan oleh si-penjahat, ia-itu iblis atau shaitan. Manakala ramai orang di-dalam negeri yang berjiwa penjahat, yang berlumor dengan dosa terhadap Allah dan sesama manusia, maka akibat-nya bukan lagi akan di-rasai oleh sa-seorang atau beberapa orang yang melakukan dosa tersebut, bahkan harus akan di-tanggong oleh negara dan oleh orang ramai di-dalam negeri tersebut.

Dalam masa pemerintahan Khalifah Umar bin Al-Khatab, pernah terjadi musim kemarau panjang yang amat dahshat, sa-hinggakan merupakan benchana dan petaka yang hebat. Akhir-nya khalifah telah mengadu kapada Saidina Abbas bin Abdul Mutallib, bapa saudara kapada Nabi Muhammad s.a.w. Dan di-dalam ulasan-nya, Abbas mengatakan kapada Saidina Umar, bahawa adapun benchana tidak akan berlaku kechuali kerana dosa.

Maka sepakat-lah dua orang besar ini untok menganjorkan kapada diri masing2, kapada raayat jelata, kechil besar, tua dan muda untok bertaubat, memperbaiki tingkah laku dan merendahkan diri. Dengan berpakaian chompang champing, menuju-lah mereka ka-padang pasir yang terbuka. Di-sana mereka bertakbir, bertasbih, bertahmid dan bertahlil, memuji dan membesarkan Allah s.w.t. Dan kemudian terdengar-lah orang berdo'a memuhonkan sa-suatu, yang Melayu-nya berbunyi:

*"Ya Allah Tuhan kami, sesunggoh-nya tidak akan turun benchana jika tidak kerana dosa, dan tidak akan lenyap benchana jika tidak dengan taubat. Seluroh orang ramai telah berharap muka kapada Mu, dan ini-lah tangan kami yang penoh dengan dosa, kami bukakan kapada engkau Ya Allah. Dan ini-lah pula kepala kami yang penoh dengan taubat, kami tundokkan kapada Engkau Ya Allah. Maka perkenankan-lah oleh Mu Ya Allah bagi menurunkan hujan kapada kami".*

Sesudah do'a di-bachakan dengan sa-genap hati dan perasaan, maka kelihatan-lah mendong menutop awan, langit menjadi hitam pekat, dan tidak lama kemudian, turun-lah hujan dengan lebat-nya, membuatkan bumi yang kering tadi menjadi basah, dan udara panas menjadi sejok. Maka hilang-lah petaka dan lenyap-lah benchana entah kemana.

Demikian-lah kekuasaan Allah memperkenankan taubat hamba-Nya.

Riwayat ini sunggoh terang, dan tidak perlu kapada ulasan panjang2. Perkataan Saidina Abbas memberi maana, bahawa tiap2 kesalahan dan dosa yang di-lakukan oleh pendudok sa-sebuah negeri itu, lambat laun akan menyebabkan datang bala dan benchana.

Perkara ini, wahai kaum muslimin! di-boktikan pula oleh sejarah Nabi2 dan para Rasul, oleh sejarah beberapa banyak bangsa dan negara yang pernah wujud, tetapi kemudian berakhir dengan pupus-nya dan kehanchuran di-sebabkan perbuatan2 maksiat dan dosa. Kita ingati sahaja, sejarah kaum Nabi Nuh, Kaum Luth, bangsa 'Ad dan Thamud, dan banyak lagi bangsa2 yang datang kemudian, yang telah lenyap di-timpa oleh berbagai2 benchana saperti banjir, taufan, halilintar, gempa bumi, perang yang dahshat yang datang dari luar atau dari dalam, krisis politik dan ekonomi, keganasan dan lain2 lagi. Semua itu ada-lah berpuncha dari dosa, dari penyakit lupakan Allah, engkar dan sombong, dan di-tambah pula oleh perangai degil, tidak pandai dan tidak mampu menyedari kesalahan2 dan dosa2, sa-hingga dosa itu lama2 menjadi bukit, menjadi gunong, sedang perchubaan untok membersehkan-nya tidak pernah di-lakukan. Mereka malu untok mengaku, serta segan untok menadah tangan ka-langit meminta dan memuhonkan keampunan dan taubat kapada Allah s.w.t.

Sebab itu, wahai kaum muslimin! sambil kita bergembira dan menekmati kebahagiaan di-negara kita Brunei Darussalam ini, dan untok masa depan-nya yang gemilang, maka mari-lah kita sentiasa mengingati Allah, sambil menyedari kesalahan2 kita dengan taubat.

Di-sini-lah wahai tuan2, letak-nya rahsia kejayaan Rasulullah dan para sahabat Baginda. Bangsa Arab yang sa-jemput di-negara yang tandus dan kering, yang tidak mempunyai latar belakang ekonomi dan ketenteraan itu, menjadi suatu bangsa yang bersatu, kuat dan maju, aman dan makmor di-bawah pimpinan Rasulullah dan sahabat2 sesudah Baginda, sa-hingga dalam masa yang amat singkat sahaja telah dapat mengalahkan Parsi di-timor dan di-Romawi di-Barat. Kekuasaan dan peradaban yang mereka bawa dalam masa kurang sa-abad itu, berkembang pula ka-timor sampai ka-pinggir sungai Sind, dan ka-barat sampai perbatasan Sepanyol dan Peranchis pada masa ini.

Pendek-nya, dengan iman dan taqwa, yang di-pupok dengan segala ibadat dan taubat serta do'a kapada Allah itu-lah, puncha segala kebaikan. Ini-lah yang mengangkat umat Islam di-zaman Nabi dan sahabat, sa-hingga dunia menjadi gentar dan tundok kapada mereka, mereka di-ikuti dan mendapat pengikut. Ini-lah rahsia! rahsia yang perlu kita semua tahu dan tegoh memegang-nya.

Tetapi malang, enam abad kemudian, umat Islam telah mula di-hinggapi penyakit lupa, penyakit engkar dan sombong, penyakit derhaka kapada Allah serta ajaran2 Rasul-Nya. Dan akibat-nya, bila dosa itu semakin menumpok semakin menggunong, memenohi sa-tiap ruang, memenohi antara bumi dan langit, yang bukan di-lakukan oleh sa-orang dua, tetapi beratus, beribu dan bahkan berjuta2 orang. Maka apakah kita hairan, bila benchana tiba memukol mereka? Bukan sahaja sa-bagai hukum sejarah, tetapi ini-lah ganjaran hukuman Allah Ta'ala, sa-bagaimana bersesuaian dengan uchapan Saidina Abbas: *"Bahawa bala dan benchana itu tidak akan datang melainkan di-sebabkan oleh dosa".*

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 6HB. SEPT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "Balance of Terror"
6.28 AZAN MAGHRIB
6.32 STAR TREK — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 RICH MAN POOR MAN — Episod kedelapan.
Billy terlibat dengan kekaseh Wesley, Romona, sementara Rudy pula mendapati Charles Estep berkebolehan melakukan pembunohan.
7.40 AZAN ISHA
7.44 RICH MAN POOR MAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 CHERAMAH DAKWAH ISLAMIAH "Islam dan Hukum Allah"
9.00 BEWITCHED "Solid Gold Moyhrt in Law".
Sa-orang pelanggan merasa ganjil mendapati bahawa Darrin mengasehi ibu mertua-nya.
9.30 THE TOMMY STEELE SHOW
10.20 PERLAWANAN GUSTI
11.30 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 7HB. SEPT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HOT WHEELS
6.28 AZAN MAGHRIB
6.32 THE SECRET OF ISIS — "Girl Driver"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOW THE WEST WAS WON —
7.40 AZAN ISHA
7.44 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 HIDAYAT
9.00 DOKUMENTARI MELAYU — "Kajian Matahari"
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.15 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 8HB. SEPT.

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 AL-KESAH
5.30 PADDINGTON BEAR
5.40 THE LEARNING TREE
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HEIDI — Episod kelima
6.28 AZAN MAGHRIB
6.32 THE MUPPETS

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE GENERATION GAME
7.40 AZAN ISHA
7.44 THE GENERATION GAME — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 THE GOOD LIFE — "A Tug of the Forelock"
Tom dan Barbara terpaksa menchari hasil pendapatan dari luar dengan segera apabila mereka mendapati bahawa mereka mesti-lah mempunyai bentok kenaikan yang moden.
9.30 THE WATER MARGIN — Episod kedua puloh
Hong dan anak-nya di-bawa ka-Liang Shan Po oleh Yuan Hsiao bersaudara.
10.20 MYSTERY MOVIE: Quincy: "A Star is Dead"
11.50 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 9HB. SEPT.

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CHILDREN'S FEATURE — "Robin Hood Reunion"
6.28 AZAN MAGHRIB
6.32 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FEATHER AND FATHER GANG — "Welcome Home Vince"
Dalam menyiasat kematian yang penoh misteri sa-orang sahabat mereka, Peguam Feather Danton dan bapa-nya Harry mendapati bahawa ia telah terlibat dalam rompakan sa-tengah juta dollar.
7.40 AZAN ISHA
7.44 THE FEATHER AND FATHER GANG — sambongan
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
9.30 INTISARI
9.00 ERIC SYKES — Siri komidi yang baru.
9.30 STARSKY AND HUTCH — "Murder at Sea" — Bahagian kedua.
10.20 PREMIER SOCCER
11.10 TAYANGAN MALAM SABTU — "Nick and Nora"
12.40 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 10HB. SEPT.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL
5.30 DAISY DAISY
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ATOM ANT — "Dragon Master"
6.28 AZAN MAGHRIB
6.32 THE PARTRIDGE FAMILY — "All's War in Love and Fairs"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "Terror in Times Square"
7.40 AZAN ISHA
7.44 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 PENGLIPURLARA
9.00 DRAMA: "The Widow"
10.45 THAT'S HOLLYWOOD
11.15 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 11HB. SEPT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "Here Come The Brides"
6.26 AZAN MAGHRIB
6.30 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
7.39 AZAN ISHA
7.43 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SERIKANDI
9.00 WORLD OF SPORT: Nordic Skiing
9.30 BIG HAWAII — "Pipeline"
10.20 SURVIVORS — "Reunion"
Di-Slotan, Spencer Charles bertemu dengan sa-orang pegawai haiwan wanita yang di-dapati ada-lah ibu John.
11.10 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 12HB. SEPT.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.26 AZAN MAGHRIB
6.30 SESAME STREET — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA BAHASA INGGERIS
7.15 LUCAN
7.39 AZAN ISHA
7.43 LUCAN — sambongan
*8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 SEKITAR TANAH AYER
9.15 ENTERTAINERS ON TOUR — "Udo Jurgens" — Germany.
10.35 DOCUMENTARY: A Matter of Life — "The Boy in the Bubble".
11.25 SIARAN TAMAT.

* WARTA BERITA akan di-siarkan pada pukol 8.30 malam untok malam ini sahaja.



RTB akan menayangkan satu siri baru pada hari Selasa, 12hb September jam 7.15 malam yang mengesahkan tentang sa-orang anak muda yang bernama LUCAN. Semasa kechil lagi, Lucan telah di-buang ka-hutan tebal di-Minnesota, di-mana ia telah di-jumpai oleh serigala2 dan di-besarkan di-tempat binatang itu. Ia tinggal bersama2 mereka sa-lama sembilan tahun — tahun2 yang paling penting — hinggalah ia di-temui oleh manusia dan di-bawa kasebuah Pusat Penyelidekan Universiti.

Walau pun ia telah memulakan penghidupan-nya di-hutan2 tebal, ia mudah menerima pelajaran tetapi ia maseh memileki sifat bebas saperti binatang. Walaupun ia kelihatan dan berkelakuan sa-bagai anak2 muda yang lain, ia berlainan sekali ia-itu di-pisahkan oleh asohan ganjil yang di-terima-nya yang akan terus meninggalkan kesan pada diri-nya untok selama2-nya.

Gambar: Kevin Brophy yang memegang peranan sa-bagai LUCAN.



NICK Charles ada-lah sa-orang detektif persendirian yang bersara dan Nora ada-lah isteri beliau. Asta ada-lah anjing mereka yang nakal.

Semasa berchuti di-sebuah hotel serba mewah Los Angeles, Nora berenang di-tengah malam dan mendapati tuboh manusia terapong2 di-kolam mandi hotel itu. Mangsa itu, sa-orang lelaki yang memakai sarong tangan berwarna puteh di-kenali sa-bagai salah sa-orang yang terkaya di-dunia, dan kematian-nya kelihatan sa-bagai perbuatan membunoh diri — kapada semua orang, melainkan Nick Charles! Ia perchaya bahawa kematian-nya merupakan satu pembunohan dan ia berazam untok menyelesaikan kes ini.

Gambar menunjokkan Jo Ann Plug sa-bagai Nora dan Craig Stevens sa-bagai Nick dengan anjing mereka Asta.

# PEMANCHARAN2 TALIVISHEN DI-BRUNEI





APA-KAH peranan menara berwarna merah dan puteh yang tinggi di-Bukit Subok itu? Saya rasa tentu-lah ramai kanak2 yang mengemukakan soalan sa-umpama itu kapada ibu bapa mereka atau orang2 dewasa. Jadi-nya apa-kah peranan yang dimainkan-nya? Itu-lah pemanchar RTB bagi Daerah Brunei Muara, begitu-lah jawapan yang akan di-berikan oleh orang2 yang mempunyai pengetahuan mengenai-nya; semua orang pun memang mengetahui nya!! Tetapi ada-kah mereka mengetahui dengan sebenar2-nya? Mengapa-kah menara itu terletak di-punchak Subok, mithal-nya? Dan apa-kah tugas2 sa-benar yang di-jalankan-nya? Dapat-kah kita menerima perkhidmatan talivishen tanpa-nya? Apa-kah lagi kita semua ketahui bahawa pada masa ini kita mempunyai sa-buah studio TV yang baik di-BSB — tentu-kah itu sudah menchukopi? Oleh itu untok mendapatkan jawapan kapada semua soalan2 ini, kita mesti-lah menyentoh sedikit aspek teknikal-nya ...... mari-lah kita chuba untok menchari jawapan-nya tanpa menyentoh terlalu banyak aspek sains.

Jadi-nya apa-kah tugas menara di-Subok dan saya akan chuba untok menerangkan-nya. Gambar2 yang di-pancharkan dari studio tidak pula melompat keluar dari BSB menuju ka-peti2 talivishen awda tanpa beberapa bantuan. Bantuan ini sebenar-nya datang dengan dua chara. Mula2 sekali ia-nya mesti-lah di-bawa melalui udara dengan chara yang tertentu untok membolehkan-nya sampai ka-aerial talivishen awda dan kedua, ia-nya mesti-lah di-berikan kekuatan tenaga yang banyak untok membolehkan-nya membuat perjalanan itu. Di-sini-lah pemancharan2 itu memainkan peranan-nya. Bagi sebab2 teknikal yang agak sukar untok di-fahami, memang-lah benar bahawa kita tidak-lah semata2 memberikan lebeh banyak kekuatan tenaga pada signal2 gambar dan terus menjalankan tugas2 untok mengeluarkan gambar. Jika demikian-lah tentu sekali kachau bilau yang akan di-terima. Kita mesti-lah menaroh-nya di-bahagian belakang ia-itu signal khas yang mana dengan mudah sahaja membuat perjalanan ka-peti TV awda. Sama saperti sa-orang budak lelaki yang ingin menyeberangi sungai yang deras. Ia terlalu kechil untok menghadapi bahaya dalam mengharongi ayer yang deras, jika ia bernasib baik ia boleh-lah meminta tolong kapada orang dewasa untok membawa-nya menyeberangi sungai itu dengan menggendong-nya di-belakang. Begitu-lah yang kami lakukan dengan signal2 TV awda — kami meletakkan-nya di-belakang sebuah pembawa signal yang kami buat dalam bentok yang besar dan penoh kekuatan tenaga untok membolehkan-nya membuat perjalanan itu dengan mudah.

Bagi pemanchar di-Subok, pembawa ini di-panggil saloran 5 dan bagi Andulau pula saloran 8. Kedua2-nya mempunyai kuasa gelombang radio yang amat tinggi yang mana membolehkan kami membuat pancharan dari punchak menara 50 kaki sahaja, dengan chara yang sama saperti rumah api (lighthouse). Sudah tentu-nya awda tidak dapat melihat pembawa2 ini, tetapi jika awda dapat melihat pembawa2 itu, setiap punchak tiang di-Subok dan Andulau akan kelihatan saperti lampu yang menyala2 dengan mengeluarkan sinaran2-nya ka-selurohan tempat yang berhampiran. Ah, kata awda, rupa-nya itu-lah sebab-nya mengapa pemanchar itu terletak di-atas bukit dan mengapa ia mempunyai tiang atau menara yang tinggi. Sudah tentu-lah kerana jika ia-nya terletak di-atas bangunan studio BSB, hanya-lah orang2 yang tinggal berdekatan dengan kawsan bandar dapat "melihat-nya". Tetapi di-atas bukit Subok — lain-lah pula kesah-nya.

Baik-lah, kata awda, sekarang kita semua dapat "melihat" segala2 yang di-pancharkan. Tetapi apa-kah erti-nya bila awda berkata awda memberikan signal itu kuasa tenaga yang besar? Elok-lah kita sentoh sedikit aspek teknikal-nya. Sa-buah bateri lampu suloh yang biasa menggunakan kuasa setengah volt — begitu-lah yang terchatet dalam kotak-nya.

Perkara ini tentu-nya tidak di-ambil peduli oleh pehak awda. Tetapi tahu-kah awda bahawa studio TV di-Brunei hanya menggunakan 1 volt sahaja!! Kurang dari kuasa voltage lampu suloh awda. Sekarang kita lihat pula masa-alah untok mendapatkan tenaga yang menchukupi dari 1 volt sahaja untok setiap peti di-negeri ini. Di-sini-lah jurutera2 pemanchar menjalankan tugas2 mereka. Kita ambil 1 volt signal itu dan meletakkan-nya pada pembawa tadi dan memasokkan lebeh 2000 volt di-Subok dan lebeh banyak lagi di-Andulau. Signal yang tinggi ini kemudian-nya di-hantar ka-punchak menara dengan menggunakan sa-jenis cable yang khas dan di-letakkan di-aerial2 pancharan 50 kaki itu. Di-sini-lah signal itu di-pusatkan sinaran-nya saperti chahaya lampu suloh supaya ia hanya mengeluarkan sinaran-nya keluar dan ka-bawah pada setiap penjuru, tanpa sebarang kuasa menuju ka-langit. Ini bererti 2000 volt kami itu seterus-nya di-tambahi menjadi lebeh kurang 80,000 volt yang memberikan-nya kuasa yang menchukupi untok sampai hingga ka-50 batu atau lebeh. Selepas jarak itu lain2 faktor pula di-perhitongkan. Pertama tumboh2an di-hutan dengan chepat sekali menyerap kuasa tenaga dan menyebabkan peti TV awda tidak dapat mengeluarkan gambar yang baik dan agak "bising". Kedua, oleh kerana permukaan bumi kita ini tidak rata tetapi membulat, "sinaran2" signal talivishen tidak dapat "di-lihat" di-kaki langit. Oleh kerana itu jika tempat tinggal awda amat jauh, pemanchar melimpasi kaki langit — awda tidak akan dapat TV berwarna. Ini-lah yang menyebabkan mengapa kita perlu mengadakan pemanchar kedua di-Bukit Andulau. Jika awda tinggal di-Seria atau K. Belait, kedudokan Subok melimpasi kaki langit. Pada hal, pemancharan di-Andulau-lah yang mengeluarkan kuasa dua kali lebeh banyak dari di-Subok yang mana ber-erti 4 kali lebeh banyak volt-nya, dan oleh itu angka 8,000 volt itu menjadi 320,000 volt dari punchak tiang di-Andulau.

Mari-lah kita kembali kapada kesah kanak2 yang menyeberangi sungai dengan bantuan sa-orang dewasa. Boleh-lah kita katakan bahawa kanak2 itu mewakili signal gambar TV kami, sungai itu pula ada-lah jarak di-antara pemanchar dan peti TV awda. Sebaik2 sahaja mereka sampai ka-pantai di-sebelah sana — dalam hal ini ia-nya ada-lah peti TV awda — kanak2 itu di-turunkan, dan mengikut cherita kami pula, gambar terpanchar keluar di-peti TV awda. Tentu-lah ini merupakan satu penerangan yang amat rengkas dan awda boleh-lah mendapatkan lebeh banyak maaluman mengenai tajok ini dari buku2 dan majalah2 atau buku2 rujokan di-perpustakaan. Akhir sekali saya berharap agar penerangan yang rengkas dan mudah ini telah menarek hati awda dan saya ingin menegaskan bahawa TV memerlukan usaha bersama sa-kumpulan tenaga yang mempunyai kemahiran2 dan disiplin2 yang mana di-harapkan akan mendatangkan faedah yang banyak dan menjadi hiboran kapada negeri Brunei dan pendudok2-nya.

Maklumat teknikal sa-lanjut-nya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Subok | Tinggi Menara | 450 kaki | Berat menara lebeh 120 tan |
| | Tinggi aerial | 800 kaki | dari paras laut |
| | Kuasa Tenaga Pemanchar | | 10 kilowatts |
| | Kuasa tenaga aerial berkesan | | 135 kilowatts |
| | CH. 5. Vision Frequency 175.25 MH2. | | |
| Andulau | Tinggi menara | 540 kaki | Berat menara lebeh 100 tan |
| | Tinggi aerial | 800 kaki | A.S.L. |
| | Kuasa Tenaga Pemanchar | | 20 Kilowatts |
| | Kuasa Tenaga aerial berkesan | | 276 kilowatts |
| | CH. 8. Vision Frequency 196.25 MH2. | | |

Minggu hadapan kami akan menulis pula mengenai dengan kerosakan pemancharan2 ini.

## A MATTER O

SATU siri filem rench
yang akan mula
tayangkan pada hari Se
12hb September jam 1
malam mengenai bidang s
yang ada kaitan-nya den
kita semua ia-itu peruba
Ranchangan pertama bert
"The Boy in the Bub
mengesahkan tentang sa-o
kanak2 lelaki bernama Da
Untok bernafas di-u
saperti manusia2 lain te
nya mengancham David,
wa berusia 4 tahun. Ia t
menghabiskan hanya ku
30 saat dalam usia-nya me
dut udara yang tidak be
dari hama sa-penoh-nya.
jak lahir lagi David telah
penjara dalam belon pla



David yang berusia empat tahun
merupakan rumah-nya sendiri.

# SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. T/HARI: 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00— Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. T/HARI: 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari, — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Untok kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30—Hidayat (SU). T/HARI: 12.00— Permainan gambus (SU); 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) —Azan untok fardhu Asar; 4.00—Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). T/HARI: 12.00— Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Buloh Perindu; 6.15—Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.30—Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00—Majallah Radio; 8.30—Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30—Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; T/HARI: 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. PETANG: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untok fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untok farhdu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Suara parajurit — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 —Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran Sambil Sarapan; 8.00—Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandong irama. T/HARI: 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untok Pendengar; 9.00 — Untok kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30— Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30—Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Senandong ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; T/HARI: 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untok Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Persembahan Aneka Instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban: 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Hits in Germany (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word; 8.30 — Midweek Greeting by Ja'afar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Date-line; 10.00 Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express; 11.45 — World of Education. NOON: 12.00 — My Word (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 —Opening Announcement—The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.00 — What's Wrong with me, Doctor? by Shirley Don; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abbas; 10.30 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Tajul Ahmad Calling On You. NOON: 12.00 Our Brunei (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Our Local Entertainers produced by Sheikh Abbas; 8.30 — "Cloud of Witness" Episode 3 "The Diamond Cat by Dorothy L. Sayers; 9.00 — Light Music from Netherland; 9.15 — News; 9.30 — Does the team think; 10.00 — BBC World Report; 10.15 — Tales of mystery and Imagination — "The Level Crossing" by David Currie; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — From Our Local Entertainer (repeat); 11.30 —Women's World produced by Evelyn Samuel. NOON: 12.00 — Forum by Viviyanti Ali (repeat); 12.30 — News; 12.45 — "Doors To Opportunity" by Jaafar Yaakub (repeat); 1.00 —Close Down. 8.00—Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Veronica Shim; 10.30 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — World Theatre — The Merchant of Venice by William Shakespeare. NOON: 12.00 — Top of The Pops. PM: 12.30 — News; 12.45 — Hot Question Cool Replies — produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Musical Diary by Nafisah Haji Ali; 8.30 — Be My Guest — introduced by Charan Chand; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — 33rd Cheltenham Festival — Beethoven Sonates; 10.30 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — World Theatre (repeat). P.M.: 12.30 — News; 12.45 — Aidil Fitri (Hari Raya Festival) by Shreen Hyder Ali; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Door to Opportunity by Jaafar Yaakub; 8.15 — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 9.00 —Hot Question Cool Replies (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Perspective; 9.45 — Theatre Forty-Five "Jump" by Ken Whitmore; 10.30 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — BBC Sport Magazine. NOON: 12.00 — Dad's Army. PM: 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong with me, Doctor (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 —Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Camel" Side 1; 8.30 — It's All Yours — by Veronica Shim; 9.00 — From Ticket, Tape and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Melody Time; 10.30 —Close Down.

# KHATAMAL KOR'AN

BEBERAPA majlis Khatamal Kor'an telah di-adakan di-tiga tempat perkhemahan AMDB ia-itu di-Perkhemahan Bolkiah, Perkhemahan Berakas dan Perkhemahan Tutong sepanjang akhir Ogos lepas.

Majlis Khatamal Kor'an yang di-adakan di-Perkhemahan Bolkiah telah di-adakan di-surau perkhemahan itu dan di-hadhiri oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan.

Majlis tersebut telah di-adakan pada malam Sabtu, 25hb Ogos dan telah juga di-hadhiri oleh pegawai2 kanan Pusat Latehan termasok YDM. Pehin Datu Indera Negara Dato Paduka Lt. Kol. Mohd. Ariffin, Pegawai Pemerentah Pusat Latehan serta Pegawai Daerah Brunei Muara, Awang Mohd Salleh bin Haji Hidup.

Sementara itu khatamal Kor'an yang sama telah juga di-adakan di-Perkhemahan Berakas pada malam Selasa, 29hb Ogos lepas dan di-Perkhemahan Tutong bagi semua yunit di-AMDB pada malam Khamis, 31hb Ogos. Majlis di-Perkhemahan Tutong tersebut telah di-serikan lagi dengan satu sharahan khas oleh Awang Haji Abdul Aziz Juned, Pegawai Ugama Kanan.

Berikutan dengan Hari Raya tahun ini surau2 di-perkhemahan2 AMDB telah di-buka untok sembahyang jemaah Hari Raya. YB Setia Usaha Kerajaan telah menyampaikan khutbah Hari Raya di-surau Perkhemahan Bolkiah, Berakas.



KELIHATAN YB. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz (No. 3 dari kanan) ketika menghadhiri majlis Khatamal Kor'an tersebut.






GAMBAR atas dan bawah ini memperlihatkan YB. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya ketika menyampaikan hadiah oskar yang berbentok kitab suchi Al-Kor'an rebutan kapada johan qari antara yunit AMDB, Pegawai Waran II, Ismail bin Matsarad dan johan qariah, Dayang Hasnah bte Kula. Pertandingan tersebut telah di-langsongkan di-Perkhemahan Tutong pada malam 11hb dan 12hb Ogos yang lalu.



# Kursus seberang laut

DUA orang pegawai kanan di-Bahagian Chawangan Udara AMDB telah berlepas ka-Amerika Sharikat untok menghadhiri kursus Helicopter Commercial Pilot Licence and Instrument di-Jat Fleat Cooperation, Dallas, Texas.

Mereka ia-lah YDM. Pehin Datu Kesuma Diraja Major Abdul Rahman bin Mustapha dan Major Pengiran Hasnan bin Pg Ahmad yang telah berlepas pada 3hb September lepas.

Turut berlepas meninggalkan negeri ini ia-lah Kopral Jamil bin Salleh dari RHQ Kompeni pada 2hb September. Beliau akan mengikuti kursus 'Repair All Arm Course' dan 'Textile Refiter Course' bertempat di-Royal Army Ordance Course, Blackdon, UK sa-lama dua bulan.

Manakala perajurit Mohammad bin Muntol dan Perajurit Mahadi bin Idris telah juga berlepas ka-Singapura pada 4hb September lalu untok mengikuti kursus Mekanik Kenderaan Kelas Satu di-Sekolah Angkatan Udara Singapura, Ayer Rajah Kem. Mereka di-jangka menamatkan kursus tersebut awal Oktober depan.

Sementara itu sa-orang lagi pegawai AMDB, Kaptan Sabli bin Osman telah pulang Julai lepas dengan mendapat tempat pertama dari 14 orang penuntut yang sama2 mengikuti kursus itu.

Beliau telah mengikuti Commonwealth and Foreign Ammunition Technical Course di-British Army School of Ammunition, Warwickshire, UK sejak 9hb Januari hingga 5hb Julai lalu.

# Ujian bagi perajurit muda

BERAKAS. — Sa-ramai lebeh 600 orang penuntut di-sekolah2 menengah dan maktab2 seluroh negeri telah mendaftar untok memasoki Pasokan Askar Muda Melayu Diraja Brunei sejak ia di-iklankan pada Jun yang lalu.

Dari jumlah tersebut hanya 60 orang dari mereka yang berjaya memasoki ujian temuduga yang terakhir yang telah di-adakan di-Perkhemahan Bolkiah di-sini pada 30hb dan 31hb Ogos lepas.

Sa-lama dua hari itu mereka telah menjalani berbagai ujian bagi melayakkan diri untok mengikuti pasokan yang baru di-tubohkan dan akan memulakan kursus awal Januari 1979 depan.

Antara 60 orang mereka yang terpileh itu, sa-ramai 30 orang sahaja yang akan di-pileh untok mengikuti kursus yang akan berjalan sa-lama antara 2½ hingga 3 tahun di-Pusat Latehan itu.

Mereka yang berjaya akan berpeluang mengikuti kursus akedemik perengkat biasa termasok latehan2 ketenteraan dan vokeshenal di-samping menerima elaun sara hidup sabanyak $60.00 sa-bulan tiap sa-orang.

Dalam gambar sa-belah kelihatan sa-bahagian dari mereka yang akan di-pileh ka-dalam pasokan tersebut sedang menjalani beberapa ujian ketenteraan "commandoes" saperti ujian menyebelahi pagar yang di-alirkan kuasa letrik.



## DAPAT PINGAT EMAS

BANDAR SERI BEGAWAN.—Orang kuat kita, Awang A. Sibidol telah menchipta satu rekod dunia dan memenangi pingat emas dalam achara melontar lembing dikejohanan Padang dan Lurong Masters yang telah di-langsongkan di-Stadium Kebangsaan, Singapura, baru2 ini.

Awang A. Sibidol menchipta lontaran-nya sajauh 47.50 meter, ia-itu memechahkan rekod lama 44.42 meter yang telah di-chipta oleh R. Mikesons dari Kanada. Sokan itu di-adakan buat pertama kali di-Singapura.

## Belia chergas dalam persembahan

TIDAK dapat di-nafikan oleh sesiapa pun bahawa para belia dan beliawanis kita di-negeri ini telah dan sedang bergerak chergas mengambil bahagian dalam achara persembahan2 pentas. Gambar kiri bawah (kedua2 gambar itu menunjokkan para belia dan beliawanis sedang mengalunkan suara mereka sa-waktu persembahan di-pentas belia di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan, sa-bagai meraikan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang Ke-32), yang lalu.

Sa-lain dari mengadakan persembahan2 pentas, belia dan beliawanis kita juga tidak ketinggalan menganjorkan berbagai pertandingan, melalui persatuan belia atau pertubohan kebajikan masing2.

Di-bidang sokan, boleh di-katakan kesemua-nya di-kuasai oleh para belia dan beliawanis. Ini menunjokkan para belia kita di-negeri ini sedang giat dalam kechenderongan masing2 dan tidak di-lupakan ada di-antara-nya telah mengharumkan nama Negeri Brunei di-luar negeri dalam lapangan tersebut.

Semoga kegiatan yang berkebajikan itu akan terus di-suborkan di-dada para belia dan beliawanis kita itu untok jenerasi kita pada masa yang akan datang, shabas!!





## N. JOHAN PERSEORANGAN BADMINTON BELIA

BANDAR SERI BEGAWAN.—Dalam perlawanan akhir Badminton Belia perseorangan bahagian lelaki yang baru lalu, Awang Metuddin bin Metassan telah munchol sa-bagai Naib Johan sa-telah beliau ditewaskan oleh lawan-nya Awang Wahab.

Sementara Dayang Lily Kula sa-bagai Naib Johan perseorangan bahagian wanita, sa-telah beliau di-tewaskan oleh Dayang Mariani binte Haji Morni.

Perlawanan Badminton Belia itu di-anjorkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan bagi kali kedua dan ia-nya merupakan sabahagian daripada projek tahunan jabatan tersebut.

Perlawanan tersebut telah di-adakan sejak 4hb Jun yang lalu dan semua perlawanan2 itu di-adakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Pelita di-fahamkan, mulai minggu depan satu Kursus Latehan Badminton Belia akan di-adakan di-Pusat Belia, anjoran Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan. Jurulateh Badminton yang berpengalaman, Awg. Koh Kum Seng dari Singapura akan mengendalikan kursus tersebut.

Ada-lah di-jangka kira2 25 hingga 30 orang pemain badminton di-negeri ini akan mengikuti kursus tersebut yang merupakan kali pertama pernah di-adakan di-negeri ini.



**GAMBAR kiri kelihatan Awg Metuddin bin Metassan (Naib Johan perseorangan bahagian lelaki, berdiri di-tengah2) sementara yang lain-nya ia-lah peserta yang mengambil bahagian dalam perlawanan Badminton Belia.**

## SOKAN LEPAS H. RAYA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kegiatan sokan akan di-jalankan sa-mula sa-lepas Hari Raya, sa-telah ia-nya di-berhentikan buat sementara waktu kerana menghormati hari yang mulia itu di-samping membolehkan kaum belia yang berugama Islam dapat menunaikan ibadat puasa yang baru lalu itu.

Antara sokan yang akan di-adakan sa-lepas Hari Raya itu ia-lah perlawanan Ping Pong Perengkat Daerah Sekolah2 Menengah Bawah dan Atas pada hari Sabtu 23hb September ini.

Perlawanan Ping Pong Perengkat Negeri bagi Sekolah2 Menengah Atas pada hari Khamis 28hb September. Sementara perlawanan akhir Ping Pong bagi Sekolah2 Menengah Bawah dan Atas ia-lah pada hari Sabtu 30hb September, 1978.

## Johan gasing Temburong

**GAMBAR bawah menunjokkan pasokan dari Jabatan Pertanian yang telah menjadi Johan Perlawanan Gasing bagi Daerah Temburong tahun ini. Perlawanan gasing itu di-anjorkan sa-bagai salah satu achara perayaan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-32, yang telah di-langsongkan di-Pekan Bangar, Temburong, yang baru lalu.**

**Sementara Kampong Pasai telah menjadi johan perlawanan main gasing antara kampong2 di-darat, yang telah di-langsongkan di-Kampong Sengkurong, yang baru lalu.—Kiriman Awang Anam Tarsat.**



## LUMBA RENANG SEKOLAH2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pendidekan Jasmani akan menganjorkan perlawanan lumba berenang sa-negeri bagi Sekolah2 Rendah, Menengah Bawah dan Atas. Perlawanan tersebut akan di-adakan di-Kolam Berenang Kebajikan Belia dan Sokan, Anggerek Desa, Berakas, yang akan di-mulakan pada jam 1.30 petang hari Sabtu 14hb Oktober, 1978.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perchetakan Kerajaan,

**BAHAGIAN MENCHETAK :**

1. PENGENDALI MESIN CHETAK OFFSET TINGKATAN KHAS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 15 tahun pengalaman dalam pengendalian mesin chetak. Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang mempunyai kebolehan mengendalikan mesin chetak letterpress dan offset.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji C. 1 EB. 2 — $944-982-1033 / EB / 1071-1109 - 1148 - 1186 - 1224-1275-1326-1377-1428.

2. PENGENDALI MESIN CHETAK OFFSET TINGKATAN I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam pengendalian mesin chetak offset. Kebolehan untok mengendali mesin chetak offset yang besar ada-lah satu kelebehan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D.4 EB.5 — $ 854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

3. PENGENDALI MESIN CHETAK LETTERPRESS TINGKATAN II :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam kerja2 pengendalian mesin chetak letterpress. Kebolehan mengendali mesin chetak SBD Heidelberg ada-lah satu kelebehan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5—B$625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

4. PENGENDALI MESIN CHETAK OFFSET TINGKATAN III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya dua tahun pengalaman dalam kerja2 pengendalian mesin chetak offset. Kebolehan mengendali mesin chetak offset jenis Heidelberg KORD64 merupakan satu kelebehan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 2-3 EB.4-5—$446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720 - 752 - 784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007.

5. PENGENDALI MESIN CHETAK LETTERPRESS TINGKATAN III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai kebolehan untok mengendali mesin chetak letterpress jenis Heidelberg Platen.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB.3-4—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542 - 561 /EB/ 625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982 - 1007.

**BAHAGIAN MENGATOR/ MENCHETAK :**

6. PENGENDALI MESIN PENGATOR HURUF TINGKATAN II :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya lapan tahun pengalaman dalam kerja2 pengendalikan mesin pengator huruf yang menggunakan timah chechair. Permohonan ada-lah juga di-pelawa dari mereka yang mempunyai sekurang2-nya 15 tahun pengalaman dalam kerja2 mengator huruf dan berkebolehan untok mengendali mesin pengator huruf. Kebolehan untok membuat kerja2 pembaikan dan pemeliharaan asas ada-lah satu kelebehan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5 — $625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

7. PENGATOR HURUF TINGKATAN II :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 15 tahun pengalaman dalam kerja2 mengator huruf dan berkebolehan dalam hal penyusunan surat khabar.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5 — $625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

8. PENGENDALI MESIN PENYUSUN TAIP GAMBAR TINGKATAN III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya dua tahun pengalaman dalam penggunaan alat penyusun taip gambar. Kebolehan dalam bidang pengator huruf dan penyusunan muka-surat dalam penerbit buku2 ada-lah satu kelebehan.

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — $370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542-561-625-657-689-720-752-784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007.

**BAHAGIAN PENGGAMBARAN GERAFIK :**

9. PENGENDALI MESIN PEMBUAT PLET TINGKATAN II :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam kerja2 membuat plet dan hendak-lah mempunyai kebolehan untok membuat kerja2 penyusunan dan penetapan warna.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5—B$625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

10. PENGATOR FILEM :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah lulus pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya. Pengalaman dalam kerja2 pengeluaran gerafik ada-lah satu kelebehan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB / 854-880-905-931-956-982 - 1007-1046-1071-1097-1122.

11. PEMBANTU BILEK GELAP :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah lulus pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya. Pengalaman dalam kerja2 penggambaran ada-lah satu kelebehan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 1 EB. 2-3 — $ 370-383-395-408-421 - 434 /EB/ 446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720 - 752 - 784.

**BAHAGIAN PENJILID**

12. PENJILID TINGKATAN II :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya lapan tahun pengalaman dalam kerja jilid menjilid. Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang mempunyai kebolehan mengendali mesin jilid.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5 — $625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

13. PENGENDALI MESIN PEMOTONG KERTAS TINGKATAN I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 15 tahun pengalaman dalam kerja2 memotong kertas.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 —$625-657-689-720-752 - 784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007.

14. PENGENDALI MESIN JILID TINGKATAN II:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam penggunakan mesin jilid. Pemohon2 yang tidak mempunyai pengalaman yang begitu panjang tetapi berkebolehan untok mengendali mesin2 pelipat ada-lah di-pelawa memohon.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 2-3 EB. 4 — $446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720 - 752 - 784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007.

15. PENGENDALI MESIN JILID TINGKATAN III:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai kebolehan untok mengendali mesin2 jilid saperti mesin2 jahit buku, pembohor, mesin kerat tak putus dan sa-bagai-nya.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB. 3 — $370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561 /EB/ 625-657-689-720-752-784.

**BAHAGIAN SETOR KERTAS:**

16. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN III:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah lulus pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya. Pengetahuan dalam hal2 kertas terutama sekali mengenai kualiti, jenis dan berat-nya ada-lah satu kelebehan. Keutamaan ada-lah di-beri kapada chalon2 yang pernah bertugas sa-bagai penyelenggara setor dalam Sharikat perchetakan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446 /EB/ 459-472-485-497-510-523.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb September, 1978.

(E/1050/75—Bil: 83/1978)

## Pegawai Penyelia Tempat Perhentian

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sebagai Pegawai Penyelia Bangunan Tempat Perhentian di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan Sijil 'Am Pelajaran Brunei Cambridge Perengkat Biasa atau yang sebanding dengan-nya dan telah berkhidmat sekurang2-nya selama 10 tahun dalam perkhidmatan Kerajaan.
b) Pegawai2 Kerani rendah yang pernah memegang sementara jawatan2 kanan dan mempunyai pengalaman yang di-perlukan boleh juga di-pertimbangkan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji C. 1-2 EB. 3 — $944-982-1033-1071-1109 - 1148 - 1186 - 1224 - 1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb Oktober, 1978.

(E/981/74 — Bil: 86/1978)

## Penjaga Gubah Makam Diraja

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sebagai Penjaga Gubah Makam Di-Raja, di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 45 tahun.
b) Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
c) Mengetahui dan bersedia bagi mengapan dan membacha Talqin dan tahlil dan yang seumpama-nya bila2 masa di-kehendaki.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji U. 2 — $383-395-434-446-485-497-510-536-548-561/ EB /574-587-599-650-662-682-695-708-720-759.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb September, 1978.

(E/25/74 — Bil: 84/1978)

## TENDER NOTICE

TENDER will be received by the chairman, Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon Saturday, 9th September, 1978 for :—

1. The trenching for, laying of and back filling of, two cables, one of which will run from the department's cross connection pillar near Mile 3½ Jalan Kota Batu, to Serdang Telephone Exchange at Mile 6¼. The second cable will run from the said Telephone Exchange towards Kota Batu, a distance of some 3947 yards to the Departments Telephone pole no. 87; and
2. The excavation of holes for six (6) prefabricated sectional joint boxes, followed by their emplacement, and back filling, at intervals along the length of the above duct track.

Tender documents and all particulars may be obtained from the office of the Director of Telecommunications, Brunei on payment of $50.00 deposit.

## Penolong Pegawai Penerangan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sebagai Penolong Pegawai Penerangan di-Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Penerangan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Chalon2 bagi jawatan ini mesti-lah sekurang2-nya mempunyai kelulusan Higher National Diploma (H.N.D.) dalam jurusan Mass Communication.

ATAU

Lulus dalam Tingkatan III aliran Inggeris. Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya telah memegang jawatan pegawai Luar Kanan selama 3 tahun atau telah memegang jawatan Pegawai Luar dalam tempoh 6 tahun. Pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam bidang penerangan dan perhubongan awam boleh-lah memohon untok di-pertimbangkan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji C. 2-3 EB. 4. — $1071 - 1109 - 1148 - 1186-1224 - 1275 - 1326 - 1377 - 1428-1479 - 1530 - 1581 - 1632 - 1683/EB/1734-1785-1836-1887-1938. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 11hb September, 1978.

(E/681/78—Bil: 78/1978)

## Pemandu Tingkat II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sebagai Pemandu Tingkat II di-Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.

**Kelayakan2 :**
Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen memandu yang sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah berpengalaman memandu kereta mel dan mengetahui sebanyak sedikit tentang peratoran2 menghantar dan menerima mel. Boleh membaiki kerosakan2 kechil.

**Tugas2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah bersedia untok berkhidmat di-mana2 daerah di-dalam Negeri.
b) Pemohon2 di-kehendaki memandu truck2 mel dari Pelabohan Muara dan Lapangan Terbang Antara Bangsa ka-Kuala Belait dan Seria. Tugas2 pemandu termasok-lah membuat kerja2 memunggah dan mengangkat mel dan menjaga kebersehkan kenderaan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408/ EB /414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Oktober, 1978.

(E/99/74 — Bil: 95/1978)

## Sa-bagai Pemandu Kereta

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sebagai Pemandu Kereta di-Jabatan Kehutanan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 45 tahun, serta mempunyai lesen memandu Kelas III ka-atas yang sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu.
b) Boleh menulis dan membacha.
c) Berkebolehan membaiki kerosakan2 jentera dan bersedia untok bertugas di-luar waktu pejabat apabila di-kehendaki.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408/ EB /414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 18hb Oktober, 1978.

(E/269/63 — Bil: 96/1978)

## Sa-bagai Ketua Tukang Masak

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sebagai Ketua Tukang Masak di-Jabatan Askar Melayu di-Raja Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-mana2 Mess Askar Melayu Di-Raja Brunei.
b) Mesti-lah mempunyai pengalaman menyelia tukang2 masak menjaga dan memereksa barang2 yang di-bekalkan dan menyediakan jadual2 makanan serta minuman.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523/ EB /536-548-561-574-587-599.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb Oktober, 1978.

(E/573/77 — Bil: 98/1978)



DUA orang kakitangan kabin Diraja Brunei telah di-naikkan pangkat. Dayang Zainon Elias (kiri) di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Peramugari dan Awang Alphonsus Liew Vun Fui di-lantek sa-bagai Pegawai Perkhidmatan Kabin Khas (Cabin Services Standard Officer).

Pengumoman mengenai dengan kenaikan pangkat itu telah di-umomkan oleh Pengurus Perkhidmatan Penumpang, Awang Brian Coombes pada hari Sabtu lalu.

Awang Coombes berkata bahawa kenaikkan ada-lah bertujuan untok meninggikan mutu perkhidmatan kabin serta memberikan peluang kapada pekerja2 tempatan yang mempunyai kebolehan.

Dayang Zainon dan Awang Liew ada-lah dua orang kakitangan kabin Diraja Brunei dari kumpolan 14 orang peramugari dan peramugara yang pertama berkhidmat dengan sharikat itu sejak ia-nya di-tubohkan dalam tahun 1975.

Sa-telah berkhidmat sa-lama empat bulan kedua2 mereka itu telah di-naikkan menjadi Leading Stewardess dan Steward bersama2 dua orang yang lain.

## Sharikat memulakan penjualan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Kerjasama kakitangan Jabatan Kerja Raya telah melaksanakan usaha yang pertama-nya untok membaiki ekonomi ahli2-nya. Sharikat kerjasama yang di-tubohkan dalam bulan Mei itu telah menjalankan sa-buah kedai serbaneka yang berupa supermarket yang terletak di-kawasan workshop, Jalan Tasek di-sini. Kedai yang di-berinama SAMAKAYA KANTIN BERHAD itu telah memulakan penjualan-nya kapada ahli2-nya pada 26hb Ogos yang lalu.

Sharikat Kerjasama ini ada-lah salah sa-buah sharikat kerjasama yang telah di-daftarkan dan di-luluskan oleh pehak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Kemajuan Kerjasama.

Menurut Timbalan Pengerusi SAMAKAYA Kantin Berhad, Awg. Abu Bakar bin Haji Safar, Supermarket itu mempunyai pusingan barang2 dagangan kira2 $100,000 dan ini akan di-jangka bertambah apabila ramai lagi kakitangan JKR memodali serta membeli di-kedai tersebut.

Kata-nya, sa-takat ini sa-ramai 400 telah memodali-nya dan saham2 maseh di-bukakan kapada semua kakitangan JKR.

Dari muka 3

### KHUTBAH MENGHURAIKAN MASAALAH

Waktu Khatib naik ka-atas mimber, mula-lah mereka memusatkan hati dan fikiran, sama2 mendengarkan khutbah tentang berbagai2 masaalah hidup yang di-hadapi. Khutbah menguraikan masaalah, memberikan petunjok dan pimpinan, mengajak orang bertaqwa dan bertaqwa. Khutbah akan batal dan tidak sah tanpa ajakan supaya BERTAQWA. Setiap kali khutbah tidak boleh tinggal. Ini kerana ia rukun, asas yang paling menentukan. Muslim itu berpangkal dari ibadat, dan ibadat itu asas-nya ia-lah taqwa.

Demikian-lah indah-nya kesatuan Muslim itu, yang di-ikat oleh masjid dan di-bentok oleh ibadat dengan asas-nya ia-lah taqwa. Ia tidak akan putus, di-perkuat sa-kali dalam sa-minggu oleh upachara JUMAAT. Dari bulan ka-bulan dan dari tahun ka-tahun ia terus berjalan, tidak boleh mogok!

### MASJID AL-HARAM MEMBENTOK KESATUAN SOSIAL DUNIA

Kemudian chuba perhatikan pula peristiwa sa-kali dalam sa-tahun. Semua Muslimin dari segenap penjuru angin, yang chukop sharat2-nya, berkunjong ka-Masjid Al-Haram di-Mekah dalam rangka menunaikan ibadat haji. Di-sini berhimpun raja2, presiden2, orang2 kenamaan, hartawan dan raayat biasa. Masa itu hilang-lah batas negara, batas bangsa, suku dan kaum. Hilang batas politik, kedudokan dan pangkat. Orang Russia tidak akan bertanya siapa-kah yang dudok di-sebelah-nya, samada orang China atau Amerika? Dan begitu pula sebalek-nya. Juga sa-orang bangsa kulit puteh tidak akan menarek bahu-nya dari bergesir atau bersentoh dengan orang2 Neger.

Itu-lah dia, tuan! MASJID AL-HARAM. Masjid yang membentok kesatuan sosial dunia dari orang2 yang taqwa. Ia-nya lebeh indah dari yang taqwa. Ia-nya lebeh indah dan lebeh mesra dari kesatuan sosial dunia chiptaan Pertubohan Bangsa2 (PBB) dalam abad ka-XX ini, yang kadang2 kabor sa-bagai chita2 sahaja, sedang hakikat-nya sukar mahu wujud. Tetapi konsep sosial masjid yang telah wujud semenjak 14 abad lebeh awal itu, telah terbokti lebeh kokoh dan berjaya. Itu-lah dia kesatuan sosial chiptaan masjid.

Kesatuan Muslim di-desa mempunyai masjid desa-nya, yang di-kota dengan masjid kota-nya, negara dengan masjid negara-nya, dan kesatuan sosial Muslim sa-dunia dengan Masjid Al-Haram-nya. Pendek-nya di-mana sahaja Muslim2 itu berada, di-sana ada masjid, ada pusat atau lembaga kesatuan-nya. Erti-nya masjid bukan sahaja sekadar lambang, tetapi juga sa-bagai pusat atau lembaga yang membentok kesatuan sosial Muslim yang sebenar-nya.

(BERSAMBONG)

# KURSUS AHLI TEKNIK LADANG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian akan mengadakan Kursus Ahli Teknik Ladang di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut dalam usaha-nya untok mengambil berkhidmat pegawai2 di-perengkat ahli teknik ladang untok melaksanakan ranchangan Kemajuan Padi Kerajaan.

Kursus ini ada-lah terbuka kapada pemuda2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berumor antara 18 hingga 28 tahun. Mereka mesti-lah sekurang2-nya lulus Tingkatan V Inggeris dan lulus dalam dua matapelajaran atau lebeh di-perengkat biasa. Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang mempunyai kelulusan2 baik dalam satu matapelajaran sains, kajihayat atau ilmu hisab.

Permohonan2 untok mengikuti kursus ini hendak-lah di-buat dalam borang2 yang boleh di-perolehi dari Pengetua Pusat Sinaut, Batu 21, Jalan Tutong dan hendak-lah sampai kapada-nya tidak lewat dari 30hb September, 1978.

Peserta2 yang berjaya di-pileh akan di-beri latehan berdasarkan kursus selang kerja di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut sa-lama 12 bulan. Sapanjang latehan mereka akan di-tanggong makan-minum, pakaian dan tempat tinggal. Di-samping itu mereka juga akan menerima alaon sa-banyak $140.00 sa-bulan.

Peserta2 yang berjaya menamatkan kursus dengan mendapat kepujian akan di-pertimbangkan untok berkhidmat di-Jabatan Pertanian sa-bagai Pembantu Pertanian dengan tugas2 dalam ranchangan Kemajuan Padi.

Mereka yang lulus di-perengkat biasa akan di-timbangkan untok berkhidmat sa-bagai Pembantu2 Pertanian Rendah dan kenaikan pangkat mereka akan di-pertimbangkan sa-lepas mereka memperoleh pengalaman luar yang memuaskan.

Sementara mereka yang memperolehi kejayaan chemerlang akan di-pertimbangkan untok menjalani latehan lanjutan di-luar negeri sa-lepas memperolehi pengalaman luar yang di-akui dalam urusan2 ladang.

## MBB anjor lawatan muhibbah ka-Kuching

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menganjorkan satu lawatan muhibbah ka-Kuching, Sarawak, dalam pertengahan bulan Nobember 1978. Lawatan itu ada-lah sa-bagai merapatkan lagi tali muhibbah dengan persatuan2 kebajikan di-negeri tersebut dan sa-bagai membalas lawatan beberapa buah persatuan dan yayasan yang pernah melawat ka-Negeri Brunei, beberapa masa yang lalu.

Rombongan muhibbah itu terbuka kapada ahli2 persatuan belia dan kebajikan yang bergabong dengan MBB di-samping mengadakan lawatan muhibbah dan lawatan ka-tempat2 yang menarek.

Sa-masa lawatan itu juga rombongan tersebut akan berusaha mengadakan beberapa perlawanan sa-chara persahabatan saperti bolasepak, sepaktakraw dan badminton.

Peserta yang ingin menyertai rombongan tersebut hendak-lah bersedia membayar tambang pergi/balek ka-Kuching dan perbelanjaan tempat tinggal sa-masa di-Kuching.

Mengenai perchutian, menurut juruchakap MBB, perkara tersebut hendak-lah di-uruskan sa-chara bersendirian. Permohonan boleh-lah di-hantar dari sekarang melalui borang yang telah di-sediakan oleh MBB dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat pada 28hb September ini. Borang2 boleh di-dapati daripada setia2 usaha agong persatuan2 belia dan kebajikan yang bergabong dengan MBB atau boleh juga di-dapati dari nama2 yang berikut: —

Pengiran Yusoff bin Pengiran Anak Hashim, Jabatan Perjawatan, Bandar Seri Begawan; Awang Abu Bakar bin Haji Abdul Latif, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan; Awang Latif bin Haji Ibrahim, Jabatan Muzium, Kota Batu.

Awang Metali bin Tahir, Jabatan Talikom, Kuala Belait; Awang Abdullah bin Haji Tahir, Sekolah Melayu Danau, Tutong; dan Awang Ahmad bin Haji Badar, Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Pekan Bangar, Temburong.

## Sambutan Hari Raya di-Kg Batu Marang

KAMPONG BATU MARANG, Muara. —Ahli2 Jawatankuasa sambutan Hari Raya Aidil Fitri tahun 1978 ini akan mengadakan sambutan hari yang mulia itu yang akan di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Batu Marang pada malam esok 7hb September 1978 mulai jam 7.00 malam.

Antara achara yang akan di-persembahkan ia-lah Peraduan Bintang Kechil, Nyanyian, Ratu Aidil Fitri, tarian, lawak jenaka, Pakaian Beragam dan sa-buah derama.

Pendudok2 Kampong Batu Marang dan pendudok2 di-kampong sekitar-nya, ada-lah di-jemput menyaksikan persembahan tersebut.

## Mualaf dapat bantuan dari MUIB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang mualaf telah menerima bantuan wang dari Majlis Ugama Islam Brunei sa-bagai bantuan untok perbelanjaan mereka menunaikan fardhu haji tahun ini.

Awang Timbang bin Abdullah, Awang Mohammad bin Abdullah, Awg. Bolhassan bin Keliman dan Dayang Juhannah binte Haji Mohammad Isa masing2 menerima sa-banyak $2,000.00.

Wang tersebut telah di-sampaikan oleh Pemangku Pengelola Baitul Mal Zakat dan Fitrah, Pengiran Haji Tuah bin Pg Mohammad dalam satu majlis penyampaian di-Pejabat Hal Ehwal Ugama pada hari Khamis lalu.



KURSUS Penyeliaan bagi Kerani2 Tingkatan II telah berakhir pada hari Khamis lalu. Pengarah Perjawatan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib telah merasmikan penutop kursus sa-lama empat hari itu dan seterus-nya menyampaikan sijil2 kapada peserta2 kursus. Gambar atas kelihatan Dato Abdul Rahman (kanan) menyampaikan sijil kapada Awang Haji Sabli bin Haji Metussin dari Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kursus yang di-anjorkan oleh Yunit Latehan Jabatan Perjawatan itu telah di-adakan di-Pusat Yunit Latehan di-Jalan Kumbang Pasang. Sa-ramai 19 orang kerani tingkatan II dari 19 buah Jabatan Kerajaan telah menyertai kursus tersebut.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.